



JENDELA

Buletin Perpustakaan | Bilangan 7/2015



ADVISOR / PENASIHAT

Mohd Pisol Ghadzali

PUBLISHED BY / DITERBITKAN OLEH :

Perpustakaan Hamzah Sendut USM

THE EDITOR-IN-CHIEF / KETUA SIDANG EDITOR

Muhammad Akmal Ahmat

REVIEWERS / PEWASIT

Siti Fatimah Hashim

Radia Banu Jan Mohamad

MEMBERS OF THE EDITORIAL BOARD / SIDANG EDITOR

Mohd Kamal Mohd Napiah

Jamilah Hassan Basri

Suhana Ishak

Tuan Sira Zawana Tuan Yaakub

Ainun Zakiah Zainal

DESIGNED BY / DIREKA OLEH :

Rosnani Ahmad

Ebrahim Abdul Manan (CDH)

DIGITAL ORGANIZER / PENGURUS DIGITAL

Noor Azlinda Wan Jan

ADDRESS FOR SUBMISSION / ALAMAT UNTUK PENYERAHAN

The Editor-in-Chief,

Jendela : Buletin Perpustakaan

Perpustakaan Hamzah Sendut,

Universiti Sains Malaysia 11800, Pulau Pinang Malaysia

Tel: +604-653 5373

Fax: +604-657 1526

E-mail: jendelausm@gmail.com



ISI KANDUNGAN

UCAPAN TERIMA KASIH & PENGHARGAAN MANTAN KETUA PUSTAKAWAN	2	ICOL PAPER	21-24
UCAPAN KETUA PENGARANG	3	PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN 1	24-25
JENDELA TEMUBUAL MPG	4-9	PENGALAMAN GERAK KERJA "MARCEdit"	26
NVIVO MENGENALI PENYELIDIKAN SECARA KUALITATIF	12-13	TRAVELOG KE BANGKOK	28-29
SELONGKAR BAHASA	14	SENARAI PENYELIDIKAN STAF PERPUSTAKAAN 2012-2015	30-35
IFLA WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS	15-17	LAPORAN AKTIVITI SUKAN ASTAKA 2013-2015	36-37
16th CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS-CONSAL XVI	18-19	PERTUKARAN TEMPAT BERTUGAS KE JABATAN LAIN	38
INTERNATIONAL CONFERENCE ON LIBRARIES (ICOL) 2015 KALI KELIMA,	20	PERTUKARAN STAF DLM BAHAGIAN	38-39
		STAF BERSARA (2012-2015)	40

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN KETUA PUSTAKAWAN KETUJUH PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

Semua Staf Perpustakaan

Pada hari ini tanggal 5 November 2015 saya akan mula bersara.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua staf Perpustakaan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Perpustakaan. Tiada ucapan yang dapat saya ungkapkan untuk mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada setiap individu yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam membantu saya menjalankan tugas. Tiada mampu dalam diri saya yang kerdil ini untuk membalas pengorbanan dan kegigihan serta masa yang dicurahkan oleh rakan-rakan dalam usaha merealisasikan impian Perpustakaan dan Universiti tanpa mengenal jemu dan penat lelah.

Saya yakin semua staf Perpustakaan akan meneruskan perjuangan dan mampu membawa nama Perpustakaan ke tahap yang lebih tinggi. Saya percaya semua staf Perpustakaan akan terus memberikan sokongan yang mampan walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Segalanya tidak mustahil jika kita tanamkan keyakinan yang tinggi pada setiap sesuatu yang kita inginkan, "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan".

Saya penuh yakin dan telah melihat kehebatan semua staf Perpustakaan, dengan ini saya menyeru agar diteruskan kegigihan ini. Saya juga yakin dengan suntikan dan anjakan paradigma pengurusan baru, Perpustakaan akan terus meraih kejayaan pada masa akan datang.

Telah menjadi lumrah bahawa setiap yang bermula pasti akan berakhir, setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti.

Saya akan sematkan ingatan dan pengalaman berharga ini jauh di lubuk hati saya dan menjadi kenangan hingga ke akhir hayat. Sebagai manusia yang dhaif dan lemah dalam pelbagai aspek, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan kepada semua staf atas segala keterlanjuran bahasa dan kekhilafan tingkah laku dan segala kekurangan sepanjang perkhidmatan saya.

Saya juga mohon dihalalkan segala makan dan minum sepanjang saya bertugas bersama tuan/puan.

Akhir kata, saya sentiasa mendoakan agar semua staf dan keluarga sentiasa beroleh rahmat dan dimurahkan rezeki. Semoga hubungan yang telah terjalin ini akan berterusan. Yang baik itu datang daripada Allah Taala dan yang buruk itu datang daripada kelemahan diri saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

(MOHD PISOL GHADZALI) Mantan Ketua Pustakawan
Perpustakaan Hamzah Sendut



KATA ALUAN

KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, akhirnya Jendela: Buletin Perpustakaan edisi ketujuh ini berjaya diterbitkan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sidang pengarang, penyumbang artikel dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan majalah Jendela: Buletin Perpustakaan dengan tema Perkhidmatan Cemerlang, Perpustakaan Dijulang.

Warga pembaca sekalian, Majalah Jendela kini bukan sahaja berperanan sebagai sebuah naskah majalah yang memaparkan aktiviti di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) semata-mata malah lebih kepada mengukuhkan penyebaran dan penyampaian ilmu pengetahuan yang segar serta terkehadapan. Malah, Jendela ingin membuka lembaran baru menjadi sebuah naskah majalah yang boleh membuka minda pelbagai golongan pembaca.

Sebagai permulaan, beberapa perubahan terhadap paparan majalah Jendela telah dilaksanakan.

Antaranya ialah paparan muka Majalah Jendela kini boleh dibaca melalui laman web bagi menjimatkan cetakan kertas dan menyokong persekitaran yang lebih lestari. Seterusnya, beberapa artikel yang dibentangkan pada persidangan “International Conference on Libraries (ICOL) 2015” disusun atur semula dengan paparan kod QR bagi memudahkan kaedah pembacaan melalui telefon pintar. Hal ini menjadikan Majalah Jendela lebih dinamik dan interaktif. Dengan usaha sebegini, dapatlah warga Perpustakaan USM mempelbagaikan kaedah pembacaan untuk menambah ilmu dengan lebih mampan terutama berkaitan bidang Kepustakawanan serta bidang penulisan itu sendiri.

Akhir kata, saya menyeru kepada warga Perpustakaan untuk terus menyokong dan memberi sumbangan idea dalam bentuk penulisan ilmiah pada edisi akan datang dengan lebih dinamik dan maju ke hadapan. Selamat membaca.

Layari: <http://jendelausmlibrary.blogspot.my>





JENDELA

TEMUBUAL BERSAMA KETUA PUSTAKAWAN

Penemubual: Mohd Kamal Mohd Napiah & Fujica Azura Fesal

Ditemubual: Mohd Pisol Ghadzali

Tarikh: 10 September 2015 (Khamis)

Masa: 9.40 pagi

Tempat: Bilik Ketua Pustakawan, PHS

Bilakah dan dimanakah En. Pisol dilahirkan?

Saya dilahirkan tanggal 5 haribulan November tahun 1959 di alamat 231 Kampong Belah Dua, Bukit Mertajam.

Boleh ceritakan tentang bapa En. Pisol?

Nama penuh bapa saya ialah Ghadzali Haji Abdul Rahman. Beliau berasal dari Kampong Belah Dua. Bapa saya sebenarnya, kalau ikut kerjanya ialah berniaga kedai runcit dan dalam masa yang sama membuat kerja – kerja lain untuk membantu orang kampung kerana bapa saya adalah antara orang yang ada kenderaan pada masa tu. Jadi jikalau ada apa-apa urusan, contohnya hendak ke hospital, menziarahi jenazah dan sebagainya, mereka akan datang dan bapa saya akan membawa menggunakan kenderaan dengan bayaran.

Adakah En Pisol mewarisi karakter yang ada pada bapa?

Ya, itulah yang sebenarnya membentuk karakter saya. Saya dah biasa tengok bapa saya sebagai seorang yang bekerja keras. Maksudnya dia tidak buat satu kerja,

walaupun kerja yang utama adalah berniaga kedai runcit tapi dia membuat semua kerja itu lebih kepada untuk memberi kebajikan kepada orang kampung. Sebabnya kadang-kadang orang datang minta bantuan tidak kira masa, pukul dua atau tiga pagi pun datang tetapi bapa saya tidak pernah menolak.

Bagaimanakah bentuk didikan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap En. Pisol?

Bapa saya ni memang selalu terapkan pada anak-anak, pertama sekali kita kena ada sifat bersyukur. Kita kena bersyukur dengan apa yang ada. Kemudian, dia nasihat supaya kita kena menghormati semua lapisan orang terutamanya orang tua. Dan seterusnya dia didik supaya kita jangan tinggal apa yang Allah suruh, maksudnya seperti sembahyang, puasa semua rukun-rukun Islam tu jangan ditinggalkan.

Apakah kenangan zaman kanak-kanak En. Pisol?

Zaman kanak-kanak ni banyak, tapi yang paling saya ingat ialah walaupun saya masih belajar dalam darjah satu atau darjah dua saya sudah mula berniaga. Saya

sudah tahu timbangan menggunakan kati. Hendak sukat tepung saya dah pandai sebab saya membantu menjual di kedai.

Apakah kenangan dengan keluarga semasa En. Pisol kecil dulu?

Kenangan tu ada banyak. Kenangan yang diingati terutama sekali bila nak makan. Sahur atau buka puasa biasakan ramai, jadi makanan memang telah dibahagi-bahagikan mengikut bilangan adik beradik seramai 13 orang. Memang kita tak boleh ambil sendiri kerana mak telah pun bahagikan cukup-cukup. Kalau beli rambutan pun dah cukup bahagian setiap seorang dah ditentukan. Apabila keluarga ramai kita terpaksa buat macam itu. Tapi kita tidak bergaduh, makan bersama-sama.

Apabila malam, bayangkanlah adik beradik ramai, tidur pula tiada bilik. Semua tidur di dalam kelambu, perempuan satu kelambu. Jadi ada tiga hingga empat kelambu di rumah. Ketika itu sudah ada televisyen, jadi semua suka tidur depan televisyen. Selepas itu bapa saya akan datang angkat masuk kelambu. Kadang-kadang tidak lena pun pejam, tapi buat-buat pejam supaya ayah angkat. Bayangkanlah tiap-tiap hari begitu.

Memang ada satu cerita ni, kalau tanya kakak saya mesti dia ingat semasa bulan puasa. Masa itu mak sudah pesan kepada kakak saya yang sulung, jangan masak banyak-banyak kerana waktu itu emak dah masak. Tapi kakak tahu saya suka bihin, jadi dia nak masak juga bersama kuih-kuih lain. Sudahnya tidak habis, dan sememangnya tahu kalau tidak habis mesti emak akan marah. Jadi terpaksa simpan atas para dahulu, kemudian nanti baru saya makan. Bila saya dengan adik saya selesai makan, saya kata tidak boleh dah. Kakak saya kata tidak mengapa, dia suruh saya lari dalam kampung. Saya pun larilah dalam empat atau lima pusingan, lepas itu balik dan makan lagi sampailah hampir semuanya dengan adik beradik lain. Disitulah nampaknya kita membantu adik-beradik. Emak tidak bagi masak tu bukannya apa, supaya tidak membazir sebenarnya.

Boleh En. Pisol ceritakan tentang permulaan kerjaya di USM?

Sebenarnya selepas saya menerima ijazah pertama, saya cuma menganggur lebih kurang dalam 2 bulan, tidak bekerja di mana-mana, kemudian saya ditawarkan untuk menjadi pegawai tadbir di bawah projek MALMARC. Projek MALMARC itu ialah Malaysian Machine Readable Cataloguing dalam bentuk MARC, dan pada masa itu USM bertindak sebagai penyelaras, maksudnya pusat untuk projek MALMARC tersebut. Jadi semua input data dari universiti lain dihantar kepada USM. Jadi USM

memang menjadi peneraju dari dulu lagi bermula dengan projek MALMARC.

Kemudian, pada tahun 85 hingga tahun 86 saya mula cuti belajar di UiTM, cuti belajar untuk *Postgraduate Library Science* di Jalan Osman pada masa itu, dan sekebalinya balik pada tahun 87 saya meneruskan khidmat saya di Bahagian Automasi. Maksudnya projek MALMARC tu dulu memang di bawah Bahagian Automasi, masa itu ketuanya ialah Puan Rashidah Begum pada masa saya mula bertugas.

Bermula tahun 1988 hingga tahun 1994, saya telah ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, dan kalau sekarang dikenali Bahagian Sirkulasi. Ini adalah bahagian paling lama bagi saya. Selepas itu, dari tahun 1994 hingga 2000, saya dipindahkan untuk menerajui Hamzah Sendut 2. Saya merupakan pustakawan pertama yang bertugas di sana sehingga tahun 2000.

Masa tu gred jawatan masih S41 lagi?

Gred S41. Jadi maksudnya saya memang sangat mahir tentang gerak kerja sirkulasi. Dengan sebab itu, selok belok sirkulasi memang boleh dikatakan menjadi pakar rujuk, sebab saya memang lama bertugas disitu sebagai S41. Kemudian baru dinaikkan pangkat sebagai Ketua Unit, Bahagian Pinjaman Antara Perpustakaan pada tahun 2001 hingga 2002, menjadi Ketua Bahagian di Bahagian Media selama 2 tahun sahaja, 2002 hingga 2004. Bahagian Media pun sempat juga lihat banyak perubahan, dimana saya sempat buat perubahan-perubahan seperti *kits* yang dimasukkan ke dalam fail-fail yang tebal, menyusun semula rak dan sebagainya, sebelum saya terus dinaikkan pangkat sebagai Pustakawan Kanan pada masa itu, dan juga Timbalan Ketua Pustakawan menerajui Kampus Kejuruteraan bermula tahun 2005 hingga 2008. Bayangkan daripada saya mula masuk tahun 1983 menjadi S41 sehingga tahun 2004, maka ianya tempoh yang sangat lama.

Bagaimanakah perjalanan kerjaya En Pisol sehingga menjadi Ketua Pustakawan?

Perjalanan kerjaya saya agak mencabar, walaupun saya menghadiri temuduga banyak kali untuk jawatan kenaikan pangkat. Dengan sebab itu saya kata kita berserah pada Allah, kita bersyukur, rezeki semua dari Dia, dengan sebab itulah saya rasa kejayaan pada hari ini pun berpunca dari situ, sebab kita bersyukur. Sebenarnya saya tidak pernah terfikir untuk terus menjawat jawatan sebagai Ketua Pustakawan, sebab banyak lagi *senior-senior* atas pada saya, dalam 5 atau 6 orang lagi. Tapi secara kebetulan 4 atau 5 orang ambil bersara pilihan dan dengan sebab itu ruang untuk saya lebih terbuka.

Saya sampai di Kejuruteraan pada tahun 2005 hingga tahun 2008, 2008 saya balik sebagai Timbalan Ketua Pustakawan menggantikan Pn Che Norma Bahari, masa itu Pn Sofiah Ketua Pustakawan. Kemudian bila Pn Sofiah bersara, saya terus dilantik pada 1 haribulan Ogos 2008 sebagai Ketua Pustakawan sampai sekarang. Itulah ceritanya kalau ikutkan perjalanan karier, maksudnya daripada 41 kepada 44, 48 sangat lambat, tapi daripada 48 kenaikan terus kepada Jusa dalam tempoh 2 tahun sahaja, 48 naik 52 naik 54 naik Jusa. Itu semua orang kata bila Allah nak bagi rezeki, kita tidak boleh menolak, tapi bila Allah tidak bagi kita mesti ada hikmahnya, dan satu lagi saya percaya ini adalah semua hasil doa keluarga, sahabat-sahabat saya, kita punya staf, merekalah yang mendoakan saya supaya berjaya, Alhamdulillah, mungkin doa salah seorang Allah makbul, itulah saya jadi macam sekarang.

Apakah perbezaan antara pustakawan dahulu dan sekarang?

Pustakawan dahulu sesetengahnya ada gap dengan pihak atasan samada mereka yang letakkan atau kita sendiri yang mewujudkan, maksudnya kita yang *junior librarian* rasa kewujudannya, saya sendiri menghadapi masalah untuk kadang-kadang mahu berjumpa dengan Ketua Pustakawan, atau dengan ketua-ketua bahagian tertentu. Satu kebarangkalian ialah kemungkinan kita sendiri merasa rendah diri atau mungkin juga kerana tidak banyak peluang untuk berinteraksi. Mesyuarat kalau ada pun setahun sekali dua kali sahaja, macam mesyuarat-mesyuarat lain hendaklah diadakan di luar waktu pejabat, contohnya mesyuarat astaka mesti dibuat selepas waktu pejabat. Mahu bermesyuarat untuk kakitangan pun, macam *junior librarian* amat jarang dijemput. Itu salah satu perbezaanlah, kalau pustakawan sekarang sampai boleh katakan non-stop bermesyuarat, kakitangan sokongan juga bermesyuarat. Jadi itulah di antara perbezaan dulu dengan yang sekarang.

Semasa awal-awal dahulu sebagai S41, bagaimana hubungan En Pisol dengan staf –staf bawahan?

Staf bawahan itu memang senang nak rapat sebenarnya, sebab itulah salah satu gelaran mereka beri kepada saya ialah *champion of the general* staf kerana saya kelihatan banyak menyebelahi mereka dari segi tuntutan, sebenarnya bukan saya menyebelahi, tapi saya beri sokongan. Contohnya dahulu tidak boleh dapat *overtime*, jadi bila ada pekeliling saya tolong, macam mana nak salurkan dan sebagainya, sampailah ianya berjaya. Jadi mungkin sebab itu wujud kebimbangan, bahawa apabila saya menjadi Ketua Pustakawan, takut saya tidak boleh menjalankan tugas dengan baik disebabkan faktor ini yang terlalu

rapat dengan kakitangan bawahan. Tapi sebenarnya sangkaan itu semua meleset, kerana saya dapat satukan mereka, dimana pun mereka memang menghormati Ketua Pustakawan samada di dalam atau luar pejabat, tiada pun yang ambil kesempatan, semuanya berjalan dengan elok dan senang. Berkomunikasi sangat senang dengan mereka, kadang-kadang tidak perlu surat rasmi pun, beritahu untuk buat apa-apa pun senang, panggil sahaja melalui telefon. Jadi saya rasa mudah begitulah. Tapi saya harap nanti, selepas perubahan dari segi pentadbiran, janganlah dibandingkan dengan zaman semasa saya menjadi Ketua Pustakawan. Itu saya tidak boleh komen, cuma saya lebih suka cara macam itu, konsep pejabat terbuka boleh buat temujanji dan berjumpa bila-bila masa.

Tiada karenah birokrasi?

Karenah birokrasi memang saya cuba mengelakkannya. Contohnya tandatangan surat tidak semestinya di pejabat. Bagi saya yang penting sesuatu perkara itu berjalan dengan betul, lancar dan staf terlibat buat kerja dengan baik. Saya memang berharap pada masa akan datang amalan ini kita boleh teruskan. Kadang-kadang disebabkan kita tidak ada masa yang sesuai dengan mereka, perkara tersebut jadi lewat. Sepatutnya perkara itu boleh dipercepatkan, akan ada kelewatan. Perkara beginilah saya cuba atasi. Tapi yang paling penting apabila ada cek-cek, contohnya cek gaji daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, memang saya dahulukan sebab itu adalah rezeki orang. Macam tuntutan kerja lebih masa, kalau terlewat saya akan cuba tandatangan walaupun di rumah sebelum 5 haribulan, sebab saya tahu kalau lepas 5 haribulan mereka akan dapat tuntutan tersebut lewat.

Selain Ketua Pustakawan, apakah jawatan lain yang pernah disandang oleh En Pisol?

Pada masa dahulu sebelum saya menjadi Ketua Pustakawan, saya terlibat dalam Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Pulau Pinang selama beberapa tahun, dan telah merancang banyak aktiviti berkaitan Perpustakaan, contohnya saya pernah menjadi pengerusi pertandingan *sahibba* untuk banyak tahun juga. Jadi setiap tahun apabila ada program di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, saya adalah salah seorang yang akan melibatkan diri mewakili USM, sehinggalah saya dilantik menjadi Ketua Pustakawan, dan seterusnya dilantik sebagai Lembaga Pengarah untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang. Saya juga menjadi wakil PPM selama beberapa tahun di Perpustakaan Negeri Kedah dan Perlis. Selain itu jika di USM saya dilantik sebagai setiausaha Koperasi USM, atas kapasiti Ketua Pustakawan. Manakala di peringkat antarabangsa, Perpustakaan USM dilantik sebagai sekretariat AUNILo, dan saya adalah sebagai

Chairperson untuk AUNILo. Itu adalah antara jawatan-jawatan yang saya pegang semasa saya bertugas.

Adakah falsafah kepimpinan tertentu yang En Pisol pegang sepanjang menjadi Ketua Pustakawan?

Falsafah yang saya pegang semasa menjadi Ketua Pustakawan, pertama sekali saya amalkan sikap sentiasa bersyukur, itu memang saya sentiasa amalkan. Saya lebih berfikiran terbuka dan positif, serta mesti adil dan saksama. Maksudnya walaupun kadang-kadang ada orang yang dahulunya mungkin menjadi pesaing kita, tapi bila diberi mandat sebagai ketua, macam kita sebagai ketua keluarga, kita kena bahagikan keperluan dia sama rata, maksudnya hak dia kita bagi juga, itu saja saya amalkan. Dan saya rasa perkara sebegitu saya amalkan dalam tempoh 7 tahun sangat berkesan dan tak menghadapi masalah. Memang kadang-kadang disebabkan kita tidak suka seseorang, hak dia kita sekat, tapi sedangkan kita sebagai pemimpin kita tidak boleh buat begitu. Kita tidak boleh sekat sebab itu adalah hak dia, yang mana dia berhak dapat, sepatutnya dia dapat. Tapi yang kita hendak bagi lebih daripada tu, tidak mengapa sebab itu hak kita. Maksudnya kadang-kadang memang ada dalam keluarga pun anak-anak kita ada yang lebih sikat sebab dia rajin, suruh pergi kedai dia pergi, takkan kita tidak boleh bagi seringgit dua sebagai upah lebih. Sama juga dengan staf, tapi menggunakan kapasiti kita dengan bijak. Saya tidak mahu tunjuk sesiapa tapi adalah yang macam itu di Perpustakaan. Dalam ramai-ramai tu mesti ada yang terbaik, yang jikalau kita suruh tak pernah menolak, kiranya belum sempat suruh pun dia datang tawarkan diri, mesti kita nak *award* dia dengan something, bukan *award* dari universiti tapi *award* kita sendiri, kalau kita pergi luar negara kita akan bawa balik untuk dia cenderahati sebagai tanda ingatan.

Sepanjang En Pisol jadi Ketua Pustakawan, apakah cabaran paling besar yang pernah dihadapi?

Cabaran paling besar tu, kiranya tidak banyak sangat. Cuma yang sangat getir apabila baru-baru ini ada potongan untuk bajet, bila bajet dipotong tanpa diberi amaran awal, jadi kita tidak boleh melanggan pangkalan data, masa itu kita dapat tamparan hebat daripada dalaman seperti ahli akademik, daripada keluarga pelajar dan juga kementerian. Tapi Alhamdulillah selepas kita alami masa sukar kita, lepas tu kita dapat apa yang kita mahukan. Sekarang ni walaupun Naib Canselor buat *cost rationalization*, tapi kita dapat. Itulah saya kata, kita bersabar dan bersyukur dengan apa yang ada, akhirnya kejayaan akan sampai. Sekarang ni Alhamdulillah, sebut sahaja

Perpustakaan mahu apa, Naib Canselor bagi tanpa perlu fikir panjang. Dia memang bagi kepercayaan, Perpustakaan boleh berdikari, maksudnya tidak banyak menyusahkan. Kita usaha sendiri, kita buat *pay-per-view* sendiri dan lain-lain. Itu cabaran yang akhirnya mendatangkan satu kekuatan dan kejayaan pada kita.

Satu lagi apabila saya memegang jawatan Ketua Pustakawan secara tidak langsung dilantik sebagai pengerusi AUNILo. Sebagai pengerusi AUNILo bayangkanlah saya perlu uruskan beberapa negara di ASEAN, komunikasi mereka semua boleh dikatakan dalam Bahasa Inggeris, jadi saya perlu sesuaikan diri dengan situasi tersebut kerana di sini kita boleh juga cakap bercampur antara Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, tapi di sana terpaksa bertutur atau membenteng sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Jadi ini diantara cabaran awal dahulu, jadi kini saya dah faham betul, apa pun kita mahu buat mestilah buat persiapan rapi. Dalam apa jua tugasan, kalau kita bersedia, insyaAllah kita boleh. Contohnya kalau kita tidak boleh beri ucapan awam dengan baik, kita sediakan teks supaya boleh rujuk bila perlu. Benda-benda memang saya ambil berat. Walaupun mudah, walau pun kadang-kadang ucapan dalam Bahasa Malaysia, tapi saya sediakan teks. Kita tidak tahu kadang-kadang dalam satu masa, kita ingin sebut suatu perkataan, satu perkataan tersebut hilang. Kita tidak boleh ingat, jadi kita boleh rujuk. Bagi saya ia amat membantu.

Bagaimana pula tentang hala tuju Perpustakaan?

Tentang hala tuju Perpustakaan, kalau kita lihat berbanding dulu memang sangat berbeza. Apabila saya mengambil alih menjadi sebagai Ketua Pustakawan, pelbagai perkara berlaku. Contohnya pembinaan Perpustakaan Hamzah Sendut baharu, ini adalah di antara tugas yang sangat mencabar, kita juga menjadi *part of the team*, jadi maksudnya ini yang kita mahu iaitu pustakawan juga adalah penyumbang di dalam pembangunan Perpustakaan yang baharu. Jadi dengan sebab itu kita boleh dapat perabot yang berlainan daripada perabot biasa, sebab kita kena ada pendirian, walaupun bajet tidak mencukupi tapi kita buat secara ansur-ansur. Jadi pembinaan Hamzah Sendut baharu memang ada *input* secara langsung daripada pustakawan.

Selain daripada itu, proses naik taraf Perpustakaan Hamzah Sendut 1, ini sangat-sangat mencabar. Terpaksa tutup buku, buku dijangkiti, kita boleh tengoklah keadaannya. Kita terpaksa tutup Perpustakaan, dalam masa yang sama kita buat pemindahan majalah dari PHS 1 ke PHS 2, buku pula ke PHS 1. Itu adalah merupakan projek yang tidak putus-putus kita buat dan mendapat sokongan

sepenuhnya. Kita berjaya sebab sokongan semua staf, staf ketika pindah buku guna tangga sahaja, *pass* ikut tangga secara bergotong royong. Ini saya amat hargai, saya memang sangat menghargai sokongan staf dan juga pegawai. Kalau pegawai tidak beri sokongan, kita tidak boleh buat juga, seorang tak boleh sebenarnya. Sebab itu kerja pasukan sangat penting. Itu saya selalu tekankan. Jadi kita dapat menjayakan semua aktiviti yang besar, cuma mungkin yang tidak sampai lagi adalah projek RFID. Ini mungkin tengoklah nanti kepada ketua yang akan datang, mereka boleh melangsungkan program yang tertangguh.

Apakah kenangan paling manis En Pisol sepanjang jadi Ketua Pustakawan?

Manis sebenarnya lebih banyak daripada yang pahit. Yang manis itu seperti yang saya katakan tadi, saya dapat melihat perubahan pada perpustakaan ni. Bila saya masuk dari pintu depan, bila saya pandang kiri atau kanan saya nampak kelainan, seperti setiap sudut itu ada kaitan dengan saya. Macam komen sesetengah staf berkata 'tengok kiri nampak En Pisol, atas En Pisol, kanan En Pisol', lebih kurang begitu. Dari setiap sudut saya dah cuba berusaha untuk membuat pembaharuan atau cuba menjadikan yang terbaik. Itu saya rasa pencapaian yang saya sangat banggakan. Dan satu lagi apa yang saya harapkan ialah pustakawan menjadi mereka yang boleh ke hadapan, maksudnya boleh membentangi kertas persidangan, boleh menulis artikel dalam jurnal, semenjak saya pegang jawatan ini ramai yang dapat pergi membentangi di luar negara dan juga di dalam negara, yang buat attachment dan sebagainya. Ini adalah salah satu misi saya supaya pustakawan dapat kekal relevan.

Tidak lama lagi En Pisol akan bersara, jadi adakah En Pisol berpuashati dengan tahap Perpustakaan sekarang?

Sebenarnya, saya tiada apa lagi yang terkilan dihati saya, maksudnya saya rasa tidak dapat lakukan, mungkin ada sebahagian tu saya tahu perkara itu tidak boleh dibuat dalam keadaan sekarang, tapi kena buat berfasa, mungkin akan ada nanti pengganti selepas ni yang akan meneliti perkara tersebut. Tapi apa yang penting, saya akan meninggalkan apa-apa jua tempat yang saya pegang, tidak ada perkara yang tidak selesai. Contohnya pemindahan baru-baru ini, kita buat gotong-royong, saya pastikan semua bilik selesai. Cuma ada dua lagi yang belum selesai, stor di bawah saya minta En Hamdan uruskan, dan satu lagi media dan bilik peta, tapi akan diselesaikan secara berperingkat. Tapi yang lain, Alhamdulillah saya rasa berjaya diselesaikan.

Menstrukturkan semula bahagian, sudah dibuat, saya merasakan selepas ini perlukan sedikit lagi penambahbaikan untuk memastikan Perpustakaan kita akan tersohor dan dikenali terus bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan dunia. Semasa mesyuarat PERPUN baru-baru ini pun, mereka memang menyebut tentang USM. Pelan transformasi yang sama-sama kita bina, menjadi model yang sangat disenangi oleh semua universiti. *Universitas Airlangga*, Indonesia juga minta untuk melihat model Perpustakaan USM. Pelan transformasi tersebut merupakan satu model yang sehelai sahaja tapi dari situ boleh ekstrak banyak maklumat. Kita ada membentuk pakar-pakar melalui projek SPIRESS seperti *Mendeley*, *Google* dan lain-lain, ini semua merupakan kumpulan yang kira rancang dan berjaya. Koha juga berjaya, kita berani di situ untuk mengambil risiko. Setiap orang yang datang, memang mereka berminat dengan perkara ini, tapi kita kena betul-betul mantapkan kumpulan kita yang sedia ada, tapi kita tengok juga barisan pelapisnya.

Tidak lama lagi En Pisol akan bersara, boleh ceritakan perancangan selepas bersara nanti?

Sebenarnya setakat ini saya belum ada rancangan-rancangan yang spesifik, tapi kalau boleh saya nak menumpukan masa untuk bersama keluarga. Anak saya masih ada yang belajar, kalau boleh saya tumpukan masa untuk membantu. Sebelum ini bukan kata tidak boleh beri tumpuan, tapi disebabkan ada kekangan mesyuarat dan sebagainya, yang dirancang tu terpaksa dibatalkan, yang ini adalah peluang terbaik. Bila keluarga berkumpul saya boleh bagi tumpuan, dan dalam masa yang sama saya boleh mempertingkatkan lagi, dulunya banyak juga saya terlepas kuliah-kuliah agama sebab kekangan kerja. Lepas subuh kadang-kadang mereka buat tazkirah dan kuliah subuh tu, mungkin hari minggu sahaja boleh sertai, tapi sekarang mungkin rasa ada ruang lebih lagi untuk qiamullail dan menambah bekal untuk akhirat.

Selain daripada tu, saya mungkin masih bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang, mereka masih ingin melantik saya di dalam jawatankuasa itu, ada satu projek yang kita akan buat dinamakan *Science Cafe*, itu merupakan projek kerajaan negeri Pulau Pinang. Jadi saya mungkin akan memberi bantuan dari segi untuk menjayakan projek tersebut. Untuk USM pun jikalau masih ada keperluan, saya akan membantu rakan-rakan. Selain daripada itu saya tiada merancang untuk menjalankan projek-projek lain, walaupun ada yang memohon kalau boleh menjadi lembaga pengarah, konsultan, tapi saya masih mempertimbangkan perkara itu.

Jadi saya sebenarnya inginkan lebih masa terluang, dan saya bebas untuk membantu tanpa memegang apa-apa jawatan. Walaupun di Taman Seri Mengkuang mereka dah menyediakan saya satu jawatan selepas ni, tapi saya tidak mahu sebab saya ingin jadi jawatankuasa kecil sebagai membantu sahaja, saya mahu bertindak sebagai ahli, kalau hendak minta bantuan apa, saya boleh bantu. Itu antara yang saya rancangkan. Ini disebabkan saya rasa selesa sebab komitmen saya pun tidak berapa banyak lagi, cuma anak belajar sahaja, lain-lain tu alhamdulillah saya rasa lega. Kini saya ada lebih masa untuk menziarahi keluarga saya yang jauh sedikit.

Apakah harapan En Pisol selepas bersara nanti terhadap perpustakaan?

Pertama sekali, memanglah harapan saya apa yang kita bina selama ni dapat diteruskan, saya rasa mungkin ada lagi perkara-perkara baru yang akan kita hadapi pada masa-masa akan datang, disebabkan perubahan yang berlaku sekarang. Cabaran memang ada untuk sesiapa pun yang menjawat jawatan Ketua Pustakawan disebabkan kita tahulah kerajaan sendiri pada masa akan datang memang minta setiap jabatan dan institusi untuk menjana kewangan sendiri, maka saya rasa ini satu perkara yang agak serius yang perlu difikirkan pada masa akan datang. Kemudian, dengan kejatuhan ringgit juga ada kesan dari segi untuk pembelian di masa akan datang, buku dan sebagainya sebab kebanyakan buku dalam dollar US. Jadi bajet itu adalah merupakan salah satu daripada yang perlu kita memberi tumpuan pada masa akan datang, dan apa yang saya boleh katakan, saya akan sentiasa mendoakan supaya Perpustakaan Hamzah Sendut ini akan sentiasa maju ke hadapan dan dikenali sebagai perpustakaan terbaik di dunia.

Dan pada masa sekarang pun kita boleh katakan bahawa perpustakaan telah mencipta nama di dalam dan di luar negara, dan banyak juga negara-negara luar yang cuba untuk datang, untuk meneliti dan melihat secara lebih dekat. Jadi dengan itu saya berasakan Perpustakaan USM akan pergi lebih jauh dan saya berharap juga staf dapat memberi sokongan yang sepatutnya, yang sewajarnya sepertimana yang diberikan sebelum-sebelum ini. Kita takkan boleh bekerja bersendirian, kita mesti bekerja dalam pasukan, walaubagaimana hebat kita pun, kalau kita masih bekerja secaraendirian saya ingat kita tidak berupaya menghadapi cabaran yang ada. Cuma kita mesti amalkan prinsip bersyukur dan menghormati orang lain. Jika kita ada sikap ini kita tiada masalah untuk kerja di mana-mana, dan kita boleh mencapai ke satu tahap yang lebih tinggi. Itu antara yang saya ingin sampaikan tentang harapan dan doa saya pada

masa akan datang. Saya juga berharap USM akan terus berjaya, walaupun siapa yang mengetuai, menerajui yang pentingnya kita mesti mengamalkan sikap-sikap yang positif setiap masa.


Soalan terakhir untuk En Pisol....diandaikan tidak menjadi pustakawan, apakah pekerjaan yang En Pisol akan ceburi?

Kalau saya tidak jadi pustakawan, saya adalah seorang guru. Kalau ikut cita-cita saya sejak kecil memang guru, dari sekolah lagi bila cikgu tanya cita-cita, saya jawab cikgu, saya minat bidang itu. Saya juga lebih suka kepada memberi perkhidmatan, maksudnya kena bagi kepada pelajar, saya suka dalam keadaan macam itu, sebab itu bila dapat kerja sebagai pustakawan, saya kata tidak mengapa sebab saya boleh mendampingi masyarakat, saya boleh memberi tunjuk ajar, saya boleh buat kelas, ianya ada juga persamaan sebagai seorang guru.

Saya suka mendidik. Sebab yang saya sangat suka jadi guru ini, saya nak mendisiplinkan pelajar-pelajar bermasalah, kadang-kadang cikgu rasa macam susah mahu selesaikan, tapi saya rasa ada kekuatan untuk memenangi hati mereka, senang sangat saya rasa anak-anak bermasalah ni nak uruskan, hanya perlu ambil hati dia. Sama juga macam mana saya hadapi staf yang susah, tapi bila kita dapat menawan hati dia, insyaAllah dia akan jadi lebih baik daripada orang lain. Tiada siapa pun yang nak dilahirkan bermasalah, tapi kadang-kadang dia tiada pilihan. Ada ketika dia rasa tersisih, macam mana kita mahu tarik balik anak-anak ini. Sebab saya amalkan dengan anak-anak di taman saya, kadang-kadang anak yang nakal tu bila kita panggil dia hormat kita. Jadi perkara sebegini sebenarnya yang kita boleh terapkan.

Mungkin dalam masa yang sama, salah satu program yang saya akan buat mungkin lebih menumpukan kepada aktiviti di masjid, jadi kita boleh tarik anak-anak bermasalah itu. Sekarang saya punya niat, memang saya ada satu kedai komputer, kadang-kadang anak-anak yang datang untuk main *games*, sambil itu saya boleh anjurkan kelas hafal Quran, siapa yang boleh hafal Quran sehari, percuma guna internet sejam atau dua jam. Saya rasa ini boleh diberi dorongan. Masa sembahyang semua kena balik, tidak boleh main *games* dalam kedai, semua wajib sembahyang. Saya rasa itu jadi satu kepuasan bila budak yang rasa tidak boleh dibentuk tapi kita boleh tarik dia jadi orang yang berguna pada masa akan datang. Sebab itulah saya minat menjadi cikgu.

NVIVO: MENGENALI PENYELIDIKAN SECARA KUALITATIF



NVIVO 10

Cik Ramlah Che Jaafar
Pustakawan, Perpustakaan Hamzah Sendut,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau
Pinang, Malaysia. cramlah@usm.my

Noor Anisah Khadiri
Pustakawan, Perpustakaan Hamzah Sendut,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau
Pinang, Malaysia. nooranisah@usm.my

ABSTRAK

Proses pengumpulan data perlu dilaksanakan dalam setiap aktiviti penyelidikan. Berikutan hal tersebut, terdapat penyelidikan yang berdepan dengan lambakan data dan maklumat yang tidak berstruktur seperti dokumen, kaji selidik, audio, video dan gambar. Data ini kemudiannya akan dianalisis mengikut kaedah penyelidikan secara kualitatif ataupun kuantitatif. Instrumen yang akan digunakan untuk menganalisis data adalah bergantung kepada jenis penyelidikan supaya penemuan kajian dapat ditentukan dengan lebih baik. Artikel ini membincangkan mengenai salah satu instrumen penganalisaan data secara kualitatif yang mula diperkenalkan kepada dunia akademik sekitar awal tahun 2000-an iaitu Nvivo. Instrumen ini merupakan salah satu kaedah terbaik dalam menganalisis data atau maklumat yang tidak berstruktur. Tujuan penulisan ini pula dibuat adalah bagi memberi pendedahan umum mengenai perancangan awal pengajaran penggunaan instrumen atau perisian ini di Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Universiti Sains Malaysia (USM). Bengkel Nvivo akan dilaksanakan oleh pustakawan di bawah Program Strategik Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan (SPIRESS) sebagai salah satu usaha menyokong visi penyelidikan USM.

Kata Kunci: PENYELIDIKAN KUALITATIF, NVIVO, PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT, USM, SPIRESS,


PENGENALAN

Dalam proses mendapatkan data, terdapat dua pendekatan yang boleh dijalankan oleh penyelidik iaitu secara kuantitatif dan kualitatif. Definisi mengenai kedua-dua pendekatan ini bolehlah disimpulkan seperti jadual di bawah:

Kualitatif	Kuantitatif
Memakai metode kualitatif	Memakai metode kuantitatif
Bersifat fenomenologis, iaitu Fokus pada proses dan peristiwa secara interaktif	Bersifat positivisme logik, iaitu fokus pada variabel-variabel
Observasi secara semulajadi & Bersifat bebas	Ukuran rigid & Bersifat tidak bebas
Sedikit kes dan subjek & Holistik	Banyak kes dan subjek & Partikularistik
Mementingkan realiti yang bersifat dinamis dari hasil pengkajian	Mementingkan realiti yang bersifat stabil dari hasil pengkajian
Berorientasi proses & Analisis tematik	Berorientasi hasil & Analisis statistik
Dekat dengan data: perspektif orang dalam atau penyelidik terlibat sama.	Jauh dengan data: perspektif orang luar atau penyelidik tidak terlibat.
Memakai logik induktif, iaitu Proses berpikir dari hal yg umum menuju hal yang khusus	Memakai logik deduktif, iaitu Proses berpikir dari hal yang khusus menuju hal yang umum
Membina realiti dan makna budaya	Mengukur fakta-fakta objektif

Kedua-dua pendekatan ini masing-masing mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri. Penyelidikan kuantitatif lebih dikenali sebagai penyelidikan tradisi di mana hasil kajiannya dapat menunjukkan kebolehpercayaan yang kukuh dan boleh digeneralisasikan kepada umum. Walau bagaimanapun, terdapat kontroversi daripada pengamal kaedah kualitatif yang berhujah bahawa penemuan kuantitatif terlalu bersifat objektif. Ianya dikatakan terlalu memudahkan fenomena yang amat kompleks seperti kualiti hidup responden yang menterjemahkan pengalaman manusia kepada hanya angka-angka yang bersifat numerikal. Ini menjadikan proses pengalaman responden tidak bersifat peribadi sehingga menjadikannya sangat tidak bermakna.

Sementara itu, penyelidik merumuskan bahawa kaedah kualitatif memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperolehi maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah, 2004). Contoh pengamal kaedah penyelidikan ini adalah seorang ahli Anthropologi yang datanya diperolehi dari temuramah, pemerhatian dan nota lapangan atau field notes. Lain-lain bidang adalah termasuk sosiologi, undang-undang, keagamaan, falsafah, pendidikan dan sebagainya. Rumusan pengertian kedua-dua kaedah ini dapat dijelaskan lagi dengan gambaran seperti di bawah:



Sumber: Othman (2013)

Menurut Tiawa, et al. (2005), dalam kajian kualitatif proses pengumpulan data berjalan serentak dengan proses menganalisis data yang bertujuan untuk mengelakkan penyelidik daripada berhadapan dengan masalah kehilangan maklumat penting yang seharusnya tidak patut ditinggalkan atas kecuaiannya penyelidik kerana lambakan data. Contohnya temu bual seorang responden hendaklah ditranskripsikan dengan segera dan maklumat yang dirakamkan melalui perakam hendaklah pula dibantu dengan catatan lapangan atau pemerhatian. Kemudian proses pengkodan juga perlu dilakukan pada waktu tersebut, tidak seperti data kuantitatif di mana proses menganalisis dilakukan setelah semua data-data dikumpulkan.

Walaupun proses pengumpulan sampel mungkin sama tetapi kedua-dua kaedah penyelidikan ini mempunyai perisian yang berbeza bagi menganalisis data masing-masing. Tidak kira pendekatan mana yang mungkin diambil oleh penyelidik, mereka mempunyai pilihan sama ada menggunakan kaedah manual atau perisian komputer dalam membantu menganalisis data masing-masing. Usaha menganalisis data yang melibatkan penyelidikan kualitatif dianggap sebagai satu proses yang amat sukar dan memerlukan ketekunan serta kesabaran. Kesukaran ini adalah kerana data-data kualitatif bersifat dinamik, intuitif dan melibatkan proses pemikiran dan pembentukan teori yang kreatif. Oleh yang demikian kajian berbentuk kualitatif biasanya memerlukan masa yang panjang untuk mencapai matlamat dalam sesuatu kajian (Jasmi, 2012).

Bagi penyelidikan kuantitatif yang melibatkan data statistik, penggunaan perisian seperti Statistical Programme for the Social Sciences (SPSS) telah digunakan secara meluas. Manakala bagi analisa data kualitatif, perisiannya juga adalah pelbagai. Salah satu perisian yang digunakan adalah Nvivo. Perisian ini dibina bagi membantu penyelidik kualitatif membuat analisa transkrip data yang terhasil dari temuramah, membuat kod kepada ayat-ayat atau tema-tema ucapan dan mentafsir teks-teks yang terkumpul.

APAKAH PERISIAN NVIVO

Perisian Nvivo merupakan salah satu perisian yang digunakan untuk menganalisis data penyelidikan kualitatif. Perisian ini telah dikenalpasti mempunyai kebaikan dan kekuatannya yang tersendiri berbanding dengan perisian kualitatif yang lain. Menurut Tiawa, et al. (2005), Nvivo digunakan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses mengurus, menganalisis dan mentafsir data-data kualitatif. Perisian ini boleh digunakan untuk mengurus data bagi discourse analysis, ethnography, literature review, grounded theory, phenomenology, mengatur pengekodan bagi data dalam berbagai bahasa yang berbentuk fail audio, video, foto digital, PDF, word document dan spreadsheet (Othman, 2013). Di samping itu, Nvivo adalah salah satu perisian yang paling diiktiraf dan digunakan oleh penyelidik-penyelidik di dunia untuk menganalisa data kualitatif serta membantu penyelidik dalam meningkatkan kecekapan, kegandaan dan telus dalam proses penyelidikan mereka (Hoover & Koerber, 2011). Buat masa ini, versi terkini bagi perisian Nvivo ialah version 11. Perisian lain yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan Nvivo adalah seperti Atlas TI dan Ethnograph.

SENARIO PENGGUNAAN NVIVO DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, bidang penyelidikan kualitatif berkembang agak perlahan kerana sifat data yang tidak berstruktur dan pendekatan analisisnya yang bersifat subjektif. Bidang ini mula mendapat perhatian pelajar ijazah tinggi di universiti tempatan sejak adanya perisian terkini seperti Nvivo (Othman, 2013). Walau bagaimanapun, aktiviti pengajaran perisian ini lebih melibatkan staf akademik atau tenaga pengajar universiti. Hasil tinjauan yang dijalankan terhadap perpustakaan di Universiti Penyelidikan di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan bahawa perpustakaan di universiti berkenaan tidak mempunyai perisian Nvivo di perpustakaan mereka. Pustakawan juga tidak terlibat dengan pengajaran perisian Nvivo di dalam kelas literasi maklumat mereka. Perisian ini hanya digunakan di Pusat Pengajian dan Pusat Komputer yang menjadi tempat utama aktiviti pembelajaran Nvivo yang dijalankan oleh pensyarah.

Di Universiti Sains Malaysia (USM), bengkel untuk perisian Nvivo dilaksanakan oleh Pusat Pengajian Siswazah (IPS) dibawah program Professional Personal Development Workshops (PPD) yang diadakan sebanyak 3 kali setahun. Pelajar hanya dikenakan bayaran serendah RM20.00 untuk 2 hari. Tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada beberapa orang staf akademik yang telah dikenal pasti sebagai pakar perisian Nvivo. Hasil tinjauan juga mendapati bahawa pensyarah di kebanyakan Pusat Pengajian turut mengadakan kelas Nvivo di makmal komputer kepada pelajar masing-masing pada beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2013 dan sehingga sekarang, tiada lagi kelas Nvivo dijalankan di Pusat Pengajian dan perisian Nvivo yang terkini juga tidak lagi dilanggan. Hasil tinjauan juga mendapati bahawa staf akademik membeli perisian Nvivo secara personal dan menggunakannya di komputer peribadi masing-masing.

PERANCANGAN SPIRESS TERHADAP NVIVO

Di peringkat awal, cadangan pembelian perisian Nvivo dikemukakan adalah kerana didapati penggunaan perisian analisis data kualitatif kelihatan kurang mendapat galakan dan sokongan. Pusat Pengajian hanya menyediakan perisian analisis data kuantitatif sahaja seperti SPSS. Tambahan pula langganan perisian analisis data kualitatif terhad untuk individu yang mampu sahaja disebabkan yuran langganan yang agak mahal. Pelajar yang menjalankan penyelidikan kualitatif terpaksa melanggan dengan menggunakan kos sendiri atau hanya memuat turun trial version bagi memudahkan proses penyelidikan mereka. Pelajar dan penyelidik juga terpaksa mendapatkan bantuan pihak luar dengan menghadiri kursus atau bengkel yang berbayar untuk mendapatkan latihan dan kemahiran menggunakan Nvivo.

Selain daripada Mendeley, Open Access, Google Scholar, Google Drive dan EZ2 Write With Microsoft Word, perisian Nvivo juga akan menjadi salah satu produk baru yang akan diperkenalkan di bawah Program Strategik Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan (SPIRESS). Pembelian perisian Nvivo telah dibuat pada Julai 2015 dan buat masa ini ditempatkan di 2 buah terminal iaitu di makmal Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) dan makmal Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1). Pada peringkat permulaan, 2 orang pustakawan akan diberikan tanggungjawab untuk memperkenalkan produk Nvivo kepada pelajar dan penyelidik USM diperingkat dalaman

secara percuma. Pada masa hadapan diharapkan ianya dapat menjana kewangan untuk SPIRESS dengan menawarkan produk ini kepada peserta dari luar USM.

PENUTUP

Langganan perisian ini merupakan satu usaha perpustakaan untuk bersama pihak Universiti memantapkan bidang penyelidikan di USM. Ia juga membuktikan perpustakaan terus membantu memantapkan budaya penyelidikan dalam kalangan pelajar dan penyelidik USM dengan menyokong aktiviti penyelidikan kualitatif secara optimum. Selain itu, pengendalian bengkel penggunaan perisian ini secara khususnya dapat menambah kemahiran pustakawan dalam menguasai ilmu penyelidikan dan secara amnya dapat menarik lebih ramai kehadiran pelajar dan penyelidik ke perpustakaan. Akhirnya, pengenalan perisian Nvivo ini juga diharapkan dapat membantu golongan terkebahawah untuk menghadiri bengkel Nvivo secara percuma dan seterusnya menggunakan perisian ini di perpustakaan.

RUJUKAN

Azizah H. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1): 1-10.

Tiawa, D., Hafidz, A. and Sumarni, R. (2005). Aplikasi perisian Nvivo dalam analisis data kualitatif. In: *Qualitative Conference*, 21-23 August 2005, Sofitel Resort Senai.

Hoover, R.S. & Koerber, A. L. (2011). Using Nvivo to answer the challenges of qualitative research in professional communication: benefits and best practices. *IEEE Transactions on ProfessionalCommunication*, 54(1): 68-82.

Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. In: *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012*. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru.

Othman Talib. (2013). *ATLAS.ti: Pengenalan analisis data kualitatif 140 ilustrasi langkah demi langkah*. Kuala Lumpur: MPWS Rich Resources.

PEWASIT:

Siti Fatimah Hashim



SELONGKAR BAHASA: MARI MENGGUNAKAN PERKATAAN DALAM AYAT DENGAN BETUL

Ditulis oleh: Samsudin Sarif

Dikongsi oleh: Musa Mohamed Ghazali

1. Kata pemerl TIDAK BOLEH hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.

- Adalah diberitahu sekolah akan ditutup esok. (SALAH)

Ayat yang betul seperti di bawah:-

- Dengan ini diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.
- Anda diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.
- Ibu Bapa diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.
- Tuan-tuan diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.
- Dengan hormatnya diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

2. Kata pemerl tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata nafi

- Arahan itu adalah bukan untuk semua pegawai. (SALAH)
- Arahan itu bukan untuk semua pegawai. (BETUL)

3. Kata pemerl boleh wujud dalam binaan kata nafi + frasa adjektif

- Laporan itu adalah tidak benar. (BETUL)
- Keputusan itu adalah tidak adil. (BETUL)

4. Perkataan "ialah":-

- menunjukkan persamaan
- hadir di hadapan frasa nama
- contoh: Agama rasmi Negara ialah agama Islam.
- menunjukkan huraian atau keterangan.
- Hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi
- contoh: Warna kasut abang adalah hitam.

5. Contoh susunan ayat yang sering silap digunakan:-

- "Warna apa yang kau minati?" tanya Azim kepada Syafiq. -SALAH
- "Warna apa yang kauminati?" tanya Azim kepada Syafiq. -BETUL
- "Kawan ku ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti. SALAH
- "Kawanku ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti. BETUL

Sumber: <https://lamanbahasa.wordpress.com/tatabahasa-2>



IFLA World Library and Information Congress

81st IFLA General Conference and Assembly

15-21 August 2015, Cape Town, South Africa

Ditulis oleh: Siti Fatimah Hashim



International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah merupakan badan antarabangsa yang mewakili kepentingan perpustakaan, perkhidmatan maklumat dan profesion dalam bidang kepustakawanan di seluruh dunia. IFLA telah ditubuhkan pada tahun 1927 di Edinburgh, Scotland.

Pihak pengurusan Perpustakaan Hamzah Sendut telah memberi peluang kepada saya dan Encik Ali Abd. Rahim, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan untuk menghadiri IFLA World Library and Information Congress, 81st IFLA General Conference and Assembly yang telah diadakan pada 15 Ogos

sehingga 21 Ogos 2015 di Cape Town, Afrika Selatan. Persidangan ini diadakan setiap tahun di tempat dan di negara yang berbeza di seluruh dunia bagi membolehkan peserta bertukar fikiran dan pendapat di samping melihat perkembangan perpustakaan, perkhidmatan maklumat dan profesion ini di negara tempat berlangsungnya persidangan tersebut. Tema Persidangan IFLA pada tahun ini adalah “Dynamic Libraries: Access, Development and Transformation”. Persidangan ini berlangsung di Cape Town International Convention Centre (CTICC) dan telah dihadiri oleh lebih 3,000 peserta dari lebih 120 negara di seluruh dunia.

Kami telah memilih pakej yang telah ditawarkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang juga disertai oleh 5 orang lagi pustakawan dari institusi lain iaitu dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kementerian Kewangan dan Pustaka Negeri Sarawak. Pakej ini termasuk tiket kapal terbang, penginapan, lawatan sekitar bandar Cape Town dan pengangkutan dari lapangan terbang ke hotel pada hari ketibaan dan sebaliknya.

Ketibaan dan Lawatan

14 Ogos 2015 (Jumaat) Kami bertolak pada jam 2.00 pagi dari Kuala Lumpur International Airport (KLIA) menaiki Emirates Airline dan tiba di Cape Town International Airport (CTIA) pada hari yang sama pada jam 4.30 petang waktu tempatan dan berada dalam penerbangan hampir 16 jam. Semasa penerbangan tersebut kami telah transit di Dubai International Airport selama 4 jam. Penginapan kami sepanjang Persidangan berlangsung adalah di Commodore Hotel yang terletak di Portswood Road iaitu 2 kilometer dari tempat persidangan, Cape Town International Convention Centre (CTICC). Hotel tersebut terletak 100 meter atau 5 minit berjalan kaki ke Victoria & Alfred Waterfront di mana terdapatnya pelabuhan, pusat membeli belah dan pelbagai restoran. Pada sebelah malamnya kami dibawa makan malam di restoran Bo-Kaap Kombuis di

kawasan Malay Quarter dan hidangan makanan di situ adalah hampir sama dengan makanan di Malaysia. Cuaca di Cape Town pada ketika itu adalah sekitar 7 darjah Celsius sehingga 17 darjah Celsius.

15 Ogos 2015 (Sabtu) Kami berpeluang menikmati pemandangan di sekitar Cape Town, melawat Castle of Good Hope dan Cape Point Ostrich Farm yang terletak sekitar 50 kilometer dari bandar Cape Town. Semasa di Cape Point Ostrich Farm kami berpeluang menikmati daging dan telur burung unta untuk sajian makan tengah hari. Selepas itu kami di bawa melawat kawasan perumahan Malay Quarter atau Bo-Kaap, melawat Masjid Auwal yang dibina sejak tahun 1794 dan melawat di sekitar Victoria & Alfred Water Front.

Pendaftaran dan Perasmian Persidangan

16 Ogos 2015 (Ahad) Seawal 7.30 pagi kami telah bertolak ke CTICC dengan menaiki van yang disewa bagi mengelak berlakunya kesesakan dan kelewatan semasa pendaftaran. Selesai pendaftaran kami telah menghadiri majlis untuk Newcomers Session dan seterusnya menghadiri majlis pembukaan Persidangan yang dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan Afrika Selatan. Presiden IFLA, Sinnika Siplia telah menyampaikan ucap tama dan seterusnya merasmikan Persidangan IFLA ke 81.

Persidangan, Pameran dan Lawatan Perpustakaan 17 Ogos (Isnin) sehingga 20 Ogos 2015 (Khamis) Persidangan IFLA ke 81 telah berlangsung di CTICC berkeluasan 11,200 meter persegi yang merupakan sebuah pusat persidangan 3 tingkat dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti ruang pameran, Grand Ballroom bersaiz 2,000 meter persegi, auditorium, galeri, bilik sembahyang, kafetaria dan pelbagai lagi kemudahan bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun makanan tidak disediakan untuk peserta sepanjang persidangan berlangsung. Persembahan kebudayaan Afrika telah diadakan pada hari Selasa, 18 Ogos 2015 ia itu pada waktu petang sehingga malam dan ramai peserta memakai pakaian kebangsaan negara masing-masing.

Sebanyak 242 kertas persidangan telah dibentangkan secara parallel session, 132 pembentangan poster dan 65 pameran terdiri dari pelbagai institusi seluruh dunia seperti American Library Association (ALA), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Qatar National Library, National Library of South Africa, Cambridge University Press, Oxford University Press dan lain-lain lagi. Persidangan ini juga telah ditaja oleh syarikat besar seperti OCLC, Infor, AXIELL, EBSCO dan lain-lain lagi.

Saya dan Encik Ali Abd. Rahim memilih untuk menghadiri pembentangan kertas persidangan

untuk tajuk yang berbeza dan sekurang-kurangnya 4 pembentangan kertas persidangan perlu kami hadiri setiap hari. Tajuk pembentangan yang dipilih adalah yang berkaitan dengan keperluan semasa perpustakaan seperti penggunaan teknologi dalam transformasi perkhidmatan perpustakaan, cabaran dan cadangan untuk kejayaan sesebuah perpustakaan, memaksimumkan penggunaan fungsi bangunan dan ruang di perpustakaan, arkib dan repositori, perkhidmatan kepada Orang Kelainan Upaya dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama kami berpeluang melawat pelbagai pameran oleh pelbagai institusi di ruang pameran dan saya memilih untuk melawat sekurang-kurangnya 10 pameran setiap hari.

Majlis rasmi penutupan Persidangan telah diadakan pada petang hari Khamis, 20 Ogos 2015 dan pengumuman telah dibuat di mana Columbus, Ohio di Amerika Syarikat telah terpilih sebagai lokasi Persidangan IFLA ke 82 pada tahun 2016.

Selepas majlis tersebut saya telah berkesempatan melawat sebuah perpustakaan awam iaitu Cape Town Central Library yang telah dibuka pada tahun 1955. Pada sebelah malamnya saya berkesempatan membeli barangan dan cenderahati di Canal Walk Shopping Centre yang terletak di Century City ditemani oleh sahabat saya Puan Shahida dan suaminya Encik Abdulraghim yang merupakan warganegara Afrika Selatan. Saya juga telah sempat bertandang ke rumah pasangan tersebut semasa berada di sana.

Selamat Tinggal Cape Town

21 Ogos 2015 (Jumaat)

Kami menaiki van ke Cape Town International Airport pada jam 9.30 pagi dan tiba di lapangan terbang pada jam 10.00 pagi. Penerbangan balik kami adalah pada jam 1.35 petang menaiki Emirates Airline dan tiba di KLIA pada hari Sabtu, 22 Ogos 2015 jam 3.05 petang. Semasa penerbangan balik, kami juga telah transit di Dubai International Airport selama 2 jam. Banyak pengalaman dan kenangan indah yang kami lalui sepanjang perjalanan dan semasa kami menghadiri Persidangan di Cape Town.

Catatan Umum

- Pemandangan di Cape Town amat cantik, persekitaran yang bersih dan udara yang nyaman dan tidak banyak berbeza dengan bandar di Eropah.
- Air paip di Cape Town boleh terus diminum tanpa perlu dimasak.
- Terdapat banyak tempat menarik di Cape Town seperti Table Mountain, Cape Point, Cape of Good Hope, Hout Bay, Robben Island dan lain-lain lagi.
- Kami dinasihatkan untuk berjalan secara

berkumpulan terutamanya pada waktu malam bagi mengelak perkara yang tidak diinginkan.

- Terdapat banyak restoran makanan halal seperti KFC, Mc Donald's, Nando's, Ocean Basket, Steers, Bo-Kaap Kombuis, Mariam's Kitchen, Jimmy's Killer Prawns, Anat dan lain-lain lagi.

Kesimpulan

Saya amat bersyukur diberi kesempatan menghadiri Persidangan tersebut kerana ini adalah kali pertama sepanjang perkhidmatan, saya berpeluang menghadiri persidangan di luar negara di peringkat antarabangsa. Pengalaman tersebut amat bermakna

kerana bukan sahaja berpeluang melawat Cape Town tetapi keterujaan melihat bagaimana penganjuran Persidangan berjalan lancar, jumlah peserta yang ramai, kemudahan prasarana yang lengkap dan teknologi yang canggih. Tajuk pembentangan kertas persidangan dan pameran juga merangkumi semua aspek profesion kepustakawanan dari negara maju dan negara kurang maju yang boleh dijadikan panduan dan penanda aras bagi menentukan hala tuju Perpustakaan kita.



16th CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS- CONSAL XVI

MEETING AND GENERAL CONFERENCE

10 -13 JUN 2015, BANGKOK, THAILAND

Disediakan oleh : Yusliza binti Jusoh



Congress of Southeast Asian Librarians Meeting and General Conference (CONSAL) diadakan setiap 3 tahun sekali secara bergilir-gilir oleh Persatuan Perpustakaan atau Pustakawan dan Perpustakaan Negara-Negara ASEAN.

CONSAL kali ini dianjurkan oleh National Library of Thailand dan Thai Library Association di Bangkok pada 10 sehingga 13 Jun 2015 dengan tema '*ASEAN aspirations: libraries for sustainable advancement*'. Pihak Pengurusan Perpustakaan Hamzah Sendut telah memberi peluang kepada saya sebagai peserta CONSAL ke16 dan Puan Radia Banu Jan Mohamad, selaku pembentang kertas kerja di Persidangan ini.

KETIBAAN DAN PENDAFTARAN

Kami bertolak ke Bangkok pada hari Rabu, 10 Jun 2015 dengan penerbangan Malaysia Airlines System

(MAS) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, (LTABBL) Pulau Pinang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kuala Lumpur dan tiba di Suvarnabhumi Airport, Bangkok.

Kami telah mendaftar masuk di Brighton Hotel & Residence, Sumpawut Road, Bangna, Bangkok. Jarak perjalanan dari Suvarnabhumi Airport lebih kurang sejam. Manakala jarak antara hotel ke lokasi persidangan dianggarkan 5 minit berjalan kaki. Pada hari yang sama, kami telah hadir untuk mendaftar sebagai pembentang kertas kerja dan peserta CONSAL ke16, di Bangkok International Trade and Convention Centre (BITEC), Bangkok, Thailand.

Selepas selesai urusan pendaftaran kami menikmati makan malam di Yana Restoran di MBK Mall, sebuah

restoran halal diusahakan oleh Muslim Pattani.

PERASMIAN DAN PERSIDANGAN

Peserta perlu berada di BITEC Grand Hall, seawal jam 9.00 pagi waktu tempatan. CONSAL ke16 telah dirasmikan oleh H.R.H. Princess Maha Chakri Sirindhorn. Semasa majlis perasmian berlangsung, semua peserta telah dinasihatkan untuk mematuhi prosedur Diraja iaitu tidak dibenarkan mengambil foto Princess Maha Chakri Sirindhorn. Acara pembukaan dihiasi dengan tarian selamat datang.

Presiden International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA), Sinnika Siplia telah menyampaikan ucap-tama pada Persidangan ini. Hajah Nafisah Ahmad, Pengarah Perpustakaan Negara telah mewakili Malaysia membentangkan kertas kerja di Persidangan tersebut.

Banyak ruang pameran telah disediakan sepanjang Persidangan ini berlangsung. Kebanyakan pempamer adalah pembekal koleksi perpustakaan yang ternama dan pembekal peralatan seperti Alpha Office Automation, Amarin Book Center, Traceon, Wiserf dan lain-lain.

Program hari kedua berakhir dengan Majlis Makan Malam yang ditaja oleh Bangkok Metropolitan Administration (BMA).

Sesi pembentangan kertas kerja telah dibahagikan kepada enam pembentangan serentak di dalam dewan yang berasingan. Sebanyak 89 kertas kerja, 10 pembentang jemputan dan 24 poster telah dibentangkan dalam Persidangan ini. Puan Radia Banu Jan Mohamad, telah membentangkan kertas kerja berjudul AUNILO Pathfinde : an initiative in promoting Asian rare collections.

Topik perbincangan dalam Persidangan ini termasuklah pembangunan dan pengurusan koleksi, pemuliharaan dan pemeliharaan, pengurusan rekod, literasi maklumat, Corporate Social Responsibility (CSR) dan lain-lain.

Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 300 orang delegasi dari 11 buah negara. Malaysia diwakili oleh lebih kurang 20 orang pustakawan yang mewakili institusi masing-masing.

Delegasi dari Malaysia dijemput untuk makan malam di Water Library Brasserie Restaurant, Centrel Embassy, Bangkok yang menyediakan sajian halal oleh Chef Haikal Johari dari Singapura. Jamuan makan

malam ini ditaja oleh Access Dunia.

Persidangan berakhir dengan acara penyerahan bendera CONSAL kepada wakil penganjur bagi persidangan CONSAL ke17 iaitu negara Myanmar. Persidangan CONSAL ke17 akan diadakan pada tahun 2018.

LAWATAN KEBUDAYAAN

Pihak penganjur telah mengaturkan lawatan ke lokasi bersejarah di sekitar bandar Bangkok, tempat membeli-belah serta lokasi-lokasi pelancongan yang cantik sepanjang lawatan.

HARI TERAKHIR DI BANGKOK

Kami menaiki teksi dari hotel ke Suvarnabhumi Airport, Bangkok dan kami bersedia untuk bertolak balik ke Malaysia. Kami selamat menjejakkan kaki di Lapangan terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada jam 1.00 pagi, 15 Jun 2015.

ANUGERAH PUSTAKAWAN

Puan Rashidah Begum Fazal Mohammed (Mantan Ketua Pustakawan USM) telah dianugerahkan Silver Prize Award dan Allahyarham Dr. Mohd. Sharif Saad telah menerima anugerah Special Merit Award.

CATATAN PERIBADI

Kemudahan awam di Bangkok adalah pelbagai dan mudah diperolehi. Menaiki Sky Trains (BTS), Rapid Transit (MRT) atau LRT memudahkan pergerakan. Pengguna tidak perlu berada di jalanraya kerana jejantas bersambung terus ke lokasi seperti hospital, pusat membeli-belah dan sebagainya. Bagi memudahkan pergerakan pastikan menginap di hotel berhampiran dengan stesen BTS, MRT atau LRT.

Pihak berkuasa sentiasa memantau pergerakan orang ramai terutamanya pelancong asing kerana terdapat banyak kes penyeluk saku (pick pocket) khususnya ditempat yang sering dikunjungi pelancong seperti pasar Chatuchak.

Peserta diingatkan untuk membawa makanan sendiri semasa persidangan kerana sajian makanan yang disediakan dikhuatiri tidak halal.

Bangkok adalah kota membeli-belah kerana mempunyai pelbagai pilihan barangan buatan tempatan yang unik dan murah.

PEWASIT:

Siti Fatimah Hashim

INTERNATIONAL CONFERENCE ON LIBRARIES (ICOL) 2015, KALI KELIMA,

25-26 OGOS 2015, VISTANA
HOTEL, PULAU PINANG

Laman sesawang: <http://library.eng.usm.my/icol2015/>

Oleh: Jawatankuasa Penganjur ICOL 2015, Perpustakaan Kejuruteraan USM



International Conference on Libraries 2015 (ICOL 2015) kali kelima yang bertemakan Openness Paradigm: emerging knowledge ecologies telah berjaya diadakan pada 25-26 Ogos 2015 oleh Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama USAINS Holding Berhad. Persidangan yang diadakan di Hotel Vistana, Bukit Jambul Pulau Pinang, telah berjaya mengumpul seramai 110 orang peserta dari pelbagai latarbelakang organisasi dan agensi, dalam dan luar negara.

Persidangan yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Omar Osman. Ucapan utama beliau menekankan tentang bagaimana Perpustakaan berperanan sebagai penyumbang penting kepada persekitaran pembelajaran dinamik sesuai dengan amalan OER (Open Educational Resources). Selepas selesai upacara perasmian, wakil Emerald Group Publishing telah menyampaikan cenderamata kepada Dato' Naib Canselor di atas kedudukan USM sebagai pengguna Emerald yang ke-11 terbaik di antara 3000 pengguna seluruh dunia.

Selain itu, terdapat juga ucapan utama pada hari kedua yang disampaikan oleh Dr. Suhazimah Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah (ICT), MAMPU. Beliau berkongsi berkenaan peranan MAMPU dan agensi terlibat di dalam menyokong dasar keterbukaan di Malaysia.

Sepanjang persidangan berlangsung, sebanyak 14 kertas kerja terpilih berkaitan dengan 3 sesi subtema telah dibentangkan. Subtema tersebut adalah Library

and Open Technology, Open Resources Related to Library, dan Open Library / Future of Libraries.

Keistimewaan persidangan kali kelima ini adalah pada sesi forum yang membincangkan topik "Are libraries and librarians still relevant and extremely important?" yang telah menarik perhatian dan mendapat maklumbalas positif ramai peserta. Tambahan pula, moderator dan ahli panel yang dijemput terdiri daripada mantan Ketua Pustakawan, Ketua Pustakawan dan pensyarah yang berpengalaman luas tentang topik tersebut.

Jawatankuasa Penajaan bagi persidangan kali ini juga telah menerima pelbagai bentuk tajaan terutama daripada Proquest dan Springer serta 11 syarikat pembekal lain. Syarikat tajaan juga turut memmeriahkan perjalanan ICOL 2015 dengan mempamerkan produk dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang menarik untuk peserta.

Persidangan pada kali ini dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana komitmen dan sumbangan idea serta tenaga daripada 12 AJK Induk dan 28 AJK Kecil, juga hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa yang di adakan iaitu sebanyak 28 kali sepanjang April 2014 sehingga Ogos 2015.

Secara keseluruhannya, persidangan ICOL 2015 berjaya mencapai objektifnya terutama dari segi mendapatkan penyertaan daripada pelbagai organisasi serta pembentangan kertas kerja yang memenuhi subtema yang ditetapkan. Namun begitu penambahbaikan pada beberapa aspek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

PEWASIT:

Radia Banu Jan Mohamad

SENARAI KERTAS PROSIDING TERPILIH

1. USE OF OPEN SOFTWARE FOR INFORMATION LITERACY IN ACADEMIC LIBRARIES: ISSUES AND CHALLENGES

Penulis:

Zaharah Abd. Samad, & Norzelatun Rodhiah Hazmi

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian tentang isu dan cabaran penggunaan perisian sumber terbuka dalam membantu program literasi maklumat di 14 perpustakaan akademik. Fokus isu dan cabaran adalah dari aspek jenis perisian, kadar kekerapan, dan limitasi penggunaan. Kaedah kajian yang digunakan adalah secara soal selidik.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29520>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



2. KOHA ILS: THE NEXT LEVEL

Penulis:

Amzari Abu Bakar,
Fadhilnor Rahmad, &
Zahari Mohd Amin

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian secara kualitatif tentang masa depan perisian sumber terbuka bersepadu perpustakaan yang dinamakan KOHA. Kajian ini menekankan perspektif teknikal dan pengurusan. Selain itu, kajian juga menghuraikan keperluan menambah baik tetapan fungsi sedia ada agar dapat memenuhi kehendak arus perkembangan teknologi terkini.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29517>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



3. CONNECTING UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ART SCHOLARS WITH OPEN ACCESS PUBLICATION

Penulis:

Muhammad Akmal Ahmat

Sinopsis

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian tentang aliran perkembangan penerbitan Open Access di Universiti Sains Malaysia terutama dikalangan cendekiawan bidang seni. Selain itu, kertas prosiding ini menerangkan tentang penubuhan dan pergerakan kumpulan advokasi serta program perintis untuk menghebah luas kepentingan penerbitan Open Access di Universiti Sains Malaysia.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29510>



Latar Belakang Penulis
Pertama:

4. DIMENSION OF LIBRARIANS' MOBILE INFORMATION BEHAVIOR IN AN OPENNESS PARADIGM ERA

Penulis:

Zuraidah Arif,
Abd Latif Abdul Rahman,
Asmadi Mohammed Ghazali, &
Muhammad Faizal Iylia Mohd Ghazali

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian literatur tentang dimensi teori yang berkaitan dengan perilaku pengaksesan maklumat menggunakan telefon pintar. Terdapat empat dimensi teori dihuraikan dalam kajian ini.

Paparan penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29523>



Latar Belakang Penulis
Pertama:

5. EMBEDDED LIBRARIAN IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

Penulis:

Shahril Effendi Ibrahim, &
Fazli Omar

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian tentang konsep dan peranan Pustakawan bersepadu (embedded librarian) dalam persekitaran sistem pendidikan sepenuh masa dan jarak jauh. Selain itu, pelaksanaan Pustakawan bersepadu yang dilakukan di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) juga dihuraikan.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29522>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



6. EMBEDDED LIBRARIANSHIP IN SCHOLARLY COMMUNICATION: PERCEIVED ROLES OF ACADEMIC LIBRARIANS IN MALAYSIAN RESEARCH INTENSIVE UNIVERSITIES

Penulis:

Azura Mohamad Hashim, &
Abrizah Abdullah

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian tentang konsep Pustakawan bersepadu (embedded librarian) yang dipraktikkan di perpustakaan akademik universiti penyelidikan (RU). Dapatan kajian tertumpu kepada hasil temuramah responden. Seramai 12 responden terbabit dengan kajian ini.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29518>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



7. SEARCH BY IMAGE THROUGH THE INTERNET: AN ADDITIONAL METHOD TO FIND INFORMATION

Penulis:

Paul Nieuwenhuysen

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan kajian tentang penggunaan gambar sebagai kaedah untuk memperoleh maklumat dalam talian Internet. Kaedah ini adalah langkah alternatif kepada penggunaan kata kunci dalam kotak enjin pencarian. Beberapa ujilari telah dilaksanakan dan dapatan kajian mendapati bahawa pencarian menggunakan gambar berevolusi dari masa ke semasa untuk memberikan jawapan yang tepat kepada pengguna Internet.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29521>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



8. INNOVATIONS IN IN-HOUSE DEVELOPMENT SYSTEMS AT TUANKU BAINUN LIBRARY, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Penulis:

Khairul Asyrani Sulaiman, &
Siti Sumaizan Ramli

Sinopsis:

Kertas prosiding ini menghuraikan tentang 5 projek pembangunan sistem dalam talian bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Lima projek tersebut dikenali sebagai Pustaka Vendor Rating System (VRS), Reading List System (RL.sys), SiberPROP, iPUSTAKA, dan OffPAC.

Paparan Penuh:

<http://eprints.usm.my/id/eprint/29519>



Latar Belakang Penulis
Pertama:



PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Ditulis oleh: Muhammad Akmal Ahmat

Seiring dengan perkembangan pembangunan institusi pengajian tinggi ke arah universiti berkelas dunia, bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan sektor yang paling penting dan menjadi tumpuan utama pihak pengurusan tertinggi Universiti. Tambahan pula, keperluan aktiviti R&D ini bukan saja tertumpu di Universiti Sains Malaysia mahupun lain-lain Institusi Pengajian Tinggi sahaja malah pusat latihan pendidikan teknikal dan vokasional juga sudah mula mengorak langkah untuk turut serta sehingga ke peringkat pengkomersilan antarabangsa. Oleh itu, semua kakitangan universiti terutama yang berada di Perpustakaan perlu melibatsama dalam memperkukuh gerak kerja R&D. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan telah mengambil langkah drastik menjenamakan semula perkhidmatan sedia ada sesuai dengan keperluan tersebut. Antaranya ialah memperkenalkan Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan (PSP).

Latar belakang idea Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan ini tercetus sewaktu berlangsungnya sesi Bengkel Penyampaian Latihan pada awal tahun 2013 yang dihadiri oleh 17 Pustakawan S41. Pemudah cara bengkel adalah Timbalan Ketua Pustakawan

Perancangan dan Pembangunan Sumber (PPS), Encik Mohd Nasir Hj Mohd Rashid. Semasa program tersebut berlangsung, Timbalan Ketua Pustakawan PPS menyatakan dengan nada tegas bahawa para peserta sesi bengkel perlu memerah idea dan mereka bentuk produk-produk latihan dengan pengisian baru yang memberi impak lebih besar kepada perkhidmatan Perpustakaan. Sepanjang dua hari para peserta bertungkus lumus mereka bentuk prototaip produk-produk latihan baru dan membentangkannya pada akhir sesi bengkel. Selepas sesi pembentangan selesai, Timbalan Ketua Pustakawan PPS mendapati bahawa hasil rekabentuk prototaip produk-produk latihan tersebut tidak boleh berhenti pada waktu terbabit sahaja. Timbalan Ketua Pustakawan PPS mahu perlunya ada inisiatif untuk menawarkan perkhidmatan berdasarkan produk-produk latihan yang telah dibangunkan. Lantaran itu, satu kumpulan sukarela telah ditubuhkan bagi merealisasikan perkara tersebut di Perpustakaan. Ahli kumpulan terbabit pula adalah terdiri daripada Pustakawan-pustakawan yang merupakan peserta bengkel sebelum ini. Kumpulan pelaksana tersebut dikenali sebagai kumpulan SPIRESS iaitu singkatan bagi nama Strategic Programs in Research Support Service. Bagi melancarkan pengurusan kumpulan, Timbalan Ketua Pustakawan



PPS dilantik sebagai penasihat projek manakala Encik Muhammad Akmal Ahmat pula telah dilantik sebagai ketua kumpulan SPIRESS. Langkah pertama yang dilakukan oleh kumpulan adalah memikirkan bagaimana produk-produk latihan tersebut boleh dipakejkan dengan satu jenama perkhidmatan yang dikenali ramai. Pelbagai jenama perkhidmatan dicadangkan dan akhirnya Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan menjadi pilihan.

Kemudian, Timbalan Ketua Pustakawan PPS mahu projek ini mendapat perhatian ahli akademik dan Pengurusan Universiti supaya ianya tidak dilaksanakan secara semberono. Oleh itu, kumpulan SPIRESS menyediakan kertas kerja pelaksanaan dan membentangkannya untuk perhatian Jawatankuasa Perpustakaan pada bulan September 2013. Tujuan pembentangan adalah untuk mendapatkan maklumbalas projek ini dan mendapatkan kelulusan secara rasmi daripada ahli akademik serta wakil Pengurusan Tertinggi Universiti. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr. Muhamad Jantan. Ketika itu, kumpulan SPIRESS menyatakan bahawa pelaksanaan projek ini adalah satu inisiatif yang menyasarkan, membantu dan memudahkan aktiviti penyelidikan di kalangan pelanggan Perpustakaan. Pelanggan Perpustakaan yang disasarkan adalah golongan pelajar tahun akhir sarjana muda, pelajar sarjana lanjutan dan para ahli akademik di USM. Modus operandi perkhidmatan pula adalah melalui penyampaian latihan dan sesi runding cara. Seterusnya, kumpulan SPIRESS memilih Perpustakaan Hamzah Sendut sebagai Perpustakaan perintis untuk menjalankan projek ini sebelum dihebahluas ke Perpustakaan kampus yang lain.

Selain itu, gerak kerja kumpulan SPIRESS ini bersifat lebih fleksibel dan tidak terikat dengan mana-mana Bahagian pada awal tempoh operasi pelaksanaan. Namun, penasihat projek mahu kumpulan ini diurus tadbir melalui Bahagian Rujukan dan Penyelidikan bermula pada akhir bulan tahun 2014. Gerak kerja kumpulan pula sangat mencabar sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Setiap ahli kumpulan perlu berdikari dan mahir meningkatkan ilmu baru dengan keupayaan sendiri. Setiap ahli kumpulan perlu membangun, menyelidik dan mengaplikasi sendiri produk-produk latihan yang telah dibangunkan. Ianya sangat sukar bagi setiap ahli kumpulan ketika mana ahli kumpulan perlu merujuk daripada pakar sedia ada di seluruh dunia secara dalam talian mahupun dengan cara menghadiri program-program latihan di luar Universiti. Mujur projek ini mendapat sokongan padu daripada Ketua Pustakawan En. Mohd. Pisol Ghadzali dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan En.

Ali Hj. Abd. Rahim serta Ketua-ketua Bahagian, setiap ahli kumpulan dapat menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Pada waktu ini, empat (4) produk diketengahkan dalam PSP. Produk-produk tersebut adalah:-
i. Grammar Checker-Proofreading software (kemudian digantikan dengan Easy-to-Write with MS Word)

a) Kumpulan yang membimbing peserta menggunakan perisian untuk mempercepatkan semakan tatabahasa Bahasa Inggeris ketika menulis.
ii. Mendeley & Bibliography Management Software
a) Kumpulan yang membimbing peserta menggunakan perisian untuk menguruskan bibliografi dengan lebih pantas.

iii. Open Access Publication
a) Kumpulan yang membimbing peserta dan menyetengahkan kepentingan 'Open Access' serta proses penerbitan di platform-platform Open Access.
iv. Google 'Your Research Support Tools' (dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu Google Scholar dan Google Drive)

a) Kumpulan yang membimbing peserta dengan produk Google sebagai alat bantuan penyelidikan secara menyeluruh.

Kempat-empat produk ini dibangunkan dalam tempoh masa lebih kurang 8 bulan. Beberapa sesi perbincangan dan "mock training" telah dijalankan sepanjang tempoh tersebut. Mendeley merupakan produk latihan yang pertama sekali dilaksanakan untuk penyertaan pelanggan bermula pada 21 Mac 2014. Kemudian diikuti dengan produk latihan Open Access Publication, Google dan akhir sekali Easy-to-Write with MS Word. Sehingga ke hari ini, sambutan pelanggan terhadap kesemua produk latihan tersebut amat menggalakkan.

Sebagai penutup, Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan adalah penting untuk menyokong aktiviti R&D universiti yang semakin kompleks dan mencabar. Namun begitu, Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan perlu banyak lagi melakukan program penambahbaikan yang berterusan. Misalnya, memasarkan produk latihan sedia ada dengan lebih agresif dan memperkenalkan produk-produk latihan yang baru. Disamping itu juga, perkhidmatan ini perlu mendapat sokongan padu daripada seluruh warga kerja Perpustakaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan impak perkhidmatan. Warga Perpustakaan boleh membantu bersama-sama mempromosikan tentang kewujudan perkhidmatan ini kepada pelanggan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mahupun Universiti Awam yang lain.

MEMBUKA MINDA TERHADAP SISTEM SUMBER TERBUKA: PENGALAMAN GERAK KERJA “MARCEdit”

Oleh: Jawatankuasa Perlaksanaan LMS Koha USM

Disusun atur oleh : Tuan Sira Zawana Tuan Yaakub



Tahun 2014 membuka tirai baharu dengan peralihan sistem Perpustakaan daripada Integrated Library Management Utility (ILMU) kepada sistem Perpustakaan bersepadu sumber terbuka yang dikenali sebagai KOHA. Semasa menjayakan proses peralihan ini, satu projek pemurnian data bibliografi bahan Perpustakaan dengan menggunakan perisian MarcEdit telah dijalankan. Projek ini telah dijalankan secara bersepadu bermula pada 27 Januari 2014 sehingga 28 Februari 2014. Tiga Bahagian di Perpustakaan telah terlibat dengan projek ini iaitu Bahagian Pengkatalogan (BPK), Bahagian Perolehan (BP) dan Bahagian Bahan Bersiri (BBB). Jumlah penglibatan staf pula adalah seramai 27 orang. Staf perlu berkumpul di Makmal Komputer Perpustakaan Hamzah Sendut selama sebulan bagi menyelesaikan proses pemurnian data terbabit dengan dibimbing oleh seorang pemudahcara iaitu Encik Mustaqeem Abdullah.

Proses penyuntingan data bibliografi yang dilakukan adalah melibatkan data-data berkelompok dan melibatkan gerak kerja seperti menambah serta membetulkan kedudukan tanda baca, penukaran tag lama kepada yang baharu dan mengeluarkan data di dalam tag 500 ke tagnya yang betul. Sebanyak 576, 976 rekod bibliografi telah berjaya dimurnikan dalam tempoh ini dan telah dimuatnaik ke dalam sistem KOHA. Sepanjang tempoh sebulan ini semua aktiviti kerja harian melibatkan BPK, BP dan BBB dengan menggunakan sistem ILMU telah diberhentikan serta merta kecuali Bahagian Sirkulasi. Hal ini membolehkan Bahagian-bahagian terbabit dapat memfokus sepenuhnya pelaksanaan gerak kerja pemurnian data dalam sistem KOHA. Namun begitu, sasaran projek untuk diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan tidak tercapai. Aktiviti pemurnian data masih berjalan selepas daripada tempoh sebulan. Staf BPK sahaja yang terlibat bagi meneruskan projek tersebut dan perlu memperbetul baki data yang ada dengan lebih teratur. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dan yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam menyelesaikan projek ini. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.



Travelog Penyertaan Latihan ke Bangkok

(8-9 Jun 2015)

Hong Kong

(1-6 November 2015)

Oleh: Muhammad Akmal Ahmat

Latar Belakang Latihan

Tahun 2015 merupakan tahun bertuah bagi saya. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana telah diberi peluang oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), En. Mohd. Pisol Ghadzali dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) untuk menyertai dua program latihan jangka pendek yang berbeza di dua buah negara iaitu Thailand dan Hong Kong.

Latihan pertama dinamakan sebagai IFLA BSLA Pre-CONSAL Workshop yang ditaja oleh International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) Asia Ocenia. Latihan tersebut telah berlangsung di Bangkok, Thailand selama 2 hari iaitu pada 8 dan 9 Jun 2015. Latihan sebegini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Pustakawan-pustakawan muda di seluruh ASEAN supaya dapat menjadi advokator bidang Kepustakawanan yang berpengetahuan luas dan kritikal. Tahun 2015 merupakan edisi pertama latihan sebegini diadakan dengan membawa tema "Leadership for young promising librarians to build strong library association in ASEAN countries"

Latihan kedua pula adalah siri latihan jangka pendek luar negara yang ditaja oleh pihak Perpustakaan USM sendiri. Saya dan Encik Abd Halim Ismail telah terpilih untuk menjalani latihan selama enam hari ke empat buah perpustakaan akademik di Hong Kong. Empat perpustakaan akademik terbabit adalah The University of Hong Kong (HKU), Hong Kong University of Science and Technology (HKUST), City University of Hong Kong (CITYU), dan Hong Kong Baptist University (HKBU). Latihan tersebut bermula pada 1 November hingga 6 November 2015. Objektif latihan ini adalah memantapkan kemahiran dan pengetahuan Pustakawan bagi memudahkan pelaksanaan Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan di Perpustakaan USM dalam tempoh lima tahun akan datang. Sebenarnya, latihan ini merupakan hasil cetusan idea tiga penasihat projek Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan iaitu Encik Mohd Pisol Ghadzali, Encik Ali Hj. Abd. Rahim dan Encik Mohd

Nasir Hj Mohd Rashid semasa pelan lima tahun strategi transformasi Perpustakaan yang telah dirancang pada awal tahun 2014 yang lalu. Siri latihan ini juga adalah kali pertama diadakan.

Disebalik tawaran penyertaan dua latihan terbabit, saya sebenarnya berasa terkejut apabila ditawarkan latihan IFLA BSLA ke Bangkok. Sememangnya tidak menyangka bahawa pemilihan saya ke Bangkok adalah atas pemilihan bersama pihak Majlis Tertinggi PPM yang dipengerusikan oleh Presiden sendiri iaitu Dr. Nor Edzan Che Nasir. Hanya dua wakil Malaysia saja yang terpilih. Tawaran tersebut pula dibuat dalam tempoh masa sebulan sahaja sebelum hari latihan berlangsung.

Aktiviti semasa di Bangkok dan Hong Kong Di Bangkok, saya banyak menghabiskan masa ditempat latihan. Pelbagai perkara yang hebat dibincangkan oleh Pustakawan-pustakawan muda ASEAN. Antaranya adalah Pustakawan perlu memikirkan idea dan strategi pelaksanaan bagi meningkatkan kembali kebolehpercayaan pihak pemegang taruh, pimpinan negara dan masyarakat terhadap Perpustakaan. Di mana-mana pun isu ini menjadi perbincangan hangat dikala Perpustakaan sering dipandang sepi oleh majoriti masyarakat dek kerana peranannya yang kelihatan kurang relevan akibat ledakan teknologi maklumat. Hal ini dapat dilihat melalui senario semasa majoriti masyarakat kini yang lebih gemar mendapatkan terus maklumat secara digital di Internet tanpa ditapis kesahihannya dan tidak merujuk dengan betul daripada Pustakawan.

Selain daripada itu, aktiviti latihan sememangnya menarik perhatian saya apabila pemudah cara yang mengendalikannya adalah seorang yang begitu dikenali oleh ramai warga Perpustakaan iaitu Puan Rashidah Begum, yang merupakan Mantan Ketua Pustakawan Perpustakaan USM. Beliau digandingkan dengan Premila Gamage, Pustakawan dari Sri Lanka yang telah lama menimba pengalaman di England. Tentu sekali kedua-dua pemudahcara ini berkongsi banyak pengalaman dan pengetahuan sepanjang

berkecimpung dalam bidang Kepustakawanan. Saya berasa sangat berbesar hati dapat menuntut ilmu daripada kedua-dua Pustakawan yang berpengalaman ini.

Sementara itu, saya dan peserta tidak dapat melawat banyak tempat yang menarik pada masa terluang. Hanya pada waktu malam sahaja kami berkesempatan keluar bersiar-siar untuk membeli cenderahati. Pasar jalanan terkenal Chatuchak Weekend Market tidak beroperasi kerana hanya dibuka pada hujung minggu sahaja. Sebagai pengganti, para peserta membuat pilihan membeli cenderahati di kompleks membeli belah. Terdapat pelbagai jenis kompleks membeli-belah yang suasananya seperti di Bukit Jambul, Pulau Pinang dan Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Pelancong boleh membuat pilihan sama ada mahu membeli barangan berjenama antarabangsa ataupun barangan jenama tempatan sahaja. Kebanyakan pusat membeli belah dan deretan kedai tidak beroperasi lebih daripada pukul 8 dan 9 malam. Disebabkan perkara ini, kami terlepas peluang menyertai sesi tawar-menawar jualan murah di salah sebuah kompleks membeli belah yang dikenali sebagai JJ Mall pada malam hari pertama latihan. Kami sampai lewat dan kompleks membeli belah tersebut sudah tutup operasi.

Di Hong Kong pula, saya dan Encik Abd Halim juga banyak menghabiskan masa di tempat latihan. Masa dipenuhi dengan sesi ceramah, sesi soal jawab dan tinjauan secara fizikal. Pelbagai bentuk kemahiran dan pengetahuan diperolehi kami sewaktu di Hong Kong. Antaranya ialah bagaimana Pustakawan boleh membina program yang meningkatkan sumbangan kewangan kepada Perpustakaan secara lestari, mengoptimalkan penggunaan Content Management System (CMS) kepada semua Pustakawan, dan menstruktur acara seminar dan ceramah secara bulanan yang fokus tentang bidang penyelidikan. Disamping itu juga, kami dapat melihat kepelbagaian teknologi secara fizikal yang dibangunkan secara projek dalaman dan sumber luar (outsourcing).

Sepanjang kami berada di Hong Kong cuaca amat cerah dan berangin. Alhamdulillah tiada hujan atau ribut taufan melanda Hong Kong. Beberapa aktiviti pelancongan banyak tertumpu di kawasan tepi pantai seperti pertunjukan lampu laser berskala besar daripada menara-menara pencakar langit yang sering diadakan pada waktu malam. Namun, terdapat juga tempat-tempat tumpuan pelancong yang lain ditengah-tengah bandar tanah besar dan pulau. Semasa kami berada disana persekitaran sekeliling pantai ditutup untuk projek pembangunan dan pengubahsuaian terutama di kawasan Arena of Stars.

Secara keseluruhan, Bangkok dan Hong Kong tidak banyak bezanya. Dari segi persekitaran yang bersih dan jalan raya yang sentiasa diselenggara dengan baik serta terurus memang mengagumkan ramai pelancong. Hal ini membuatkan kami tidak rasa terganggu dengan keadaan sekeliling terutama apabila menggunakan kemudahan awam seperti bas. Budaya hidup penduduk pula sangat baik dan kita dapat melihat pengguna pengangkutan awam yang berdisiplin tanpa adegan tolak-menolak. Mereka juga rajin berjalan sekurang-kurangnya sepanjang 2 kilometer sehari dan menggunakan sistem Touch n Go atau kad Octopus secara optimum untuk membeli makanan dan membayar tambang pengangkutan awam. Cara hidup ini adalah perkara biasa disana.

Dalam usia karier yang masih muda, saya amat bersyukur kerana berpeluang melalui pengalaman yang amat menarik dalam bidang yang saya minati ini. Diharapkan agar lebih banyak lagi peluang-peluang seumpamanya dibuka untuk rakan-rakan pustakawan yang lain kerana pengalaman ini bukan sahaja mampu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang tugas malah menyuntik semangat baru untuk terus menyumbang bakti dalam bidang kepustakawanan di peringkat jabatan, kebangsaan didalam dan luar negara.

PEWASIT: Radia Banu Jan Mohamad



Penulis bergambar bersama dengan Puan Rashidah Begum sewaktu menghadiri sesi latihan di Bangkok



Pemandangan waktu malam di belakang bangunan Hong Kong Museum of Art

SENARAI PENYELIDIKAN STAF PERPUSTAKAAN 2012-2015

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
1	Habsah Abdul Rahman, & Siti Fatimah Hashim.	<u>In sharing, we lead, in leading we share: USM libraries competencies and development</u>	Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia (SKSEM)	Conference Paper	2012
2	Hasliza Ali, Wan Emilin Wan Mat Alli, & Nurul Azurah Mohd Roni.	<u>Information @ your fingertips-myth or reality? Lessons learned from user perception evaluation at Perpustakaan Hamdan Tahir</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Conference Paper	2012
3	Siti Hawa Ali, Engku Razifah Engku Chik, Tengku Nur Fadzilah Tengku Hassan, Halim Salleh, Azriani Abd Rahman, Harmy Mohd Yusoff, Tengku Alina Tengku Ismail, Rohana Abd Jalil	<u>Engaging librarian in advocacy research: An experience of collaborative work of academics and NGOs in researching domestic violence</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Poster Presentation	2012
4	Mohd Pisol Ghadzali, Radia Banu Jan Mohamad, Husriati Hussain, & Noor Azlinda Wan Jan.	<u>ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO): Academic libraries networking</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Poster Presentation	2012
5	Hasliza Ali, & Wan Emilin Wan Mat Alli	<u>New way to learn, new way to success: Transforming a brain-based library via active learning instructions</u>	33rd International Association of Scientific and Technological University Libraries (IATUL) Conference	Conference Proceedings	2012
6	Jamilah Hassan Basri, Mohd Pisol Ghadzali, & Nor Azan Ibrahim.	<u>The role and significance of career development fund in strengthening library talent</u>	International Conference on Libraries, Information & Society (ICoLIS 2012)	Conference Paper	2012

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
7	Radia Banu Jan Mohamad, Sukmawati Mohamad, Nor Azan Ibrahim, A Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Cik Ramlah Che Jaafar, Rosnani Ahmad, Jamilah Hassan Basri, Noor Azlinda Wan Jan, Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini, & Fujica Azura Fesal,	<u>PHS@ Chemor: Reaching the bottom billion</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Poster Presentation	2012
8	Radia Banu Jan Mohamad, Mohd Kamal Mohd Napiyah, & Cik Ramlah Che Jaafar.	<u>International students friendly library-are we there yet?</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Conference Paper	2012
9	Zainab Ajab Mohideen, Sukmawati Muhamad, Mohd Pisol Ghadzali, & Mohd Arshad, MR.	<u>A practical approach to radio frequency identification library management system</u>	RFID-Technologies and Applications (RFID-TA), 2012 IEEE International Conference	Conference Proceedings	2012
10	Saad, Siti Roudhah Mohamad, Mohamad, Radia Banu Jan, Che Jaafar, Cik Ramlah, & Wan Jan, Noor Azlinda.	<u>Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan</u>	Jurnal PPM	Journal Article	2012
11	Saad, Siti Roudhah Mohamad, Mohamad, Radia Banu Jan, Che Jaafar, Cik Ramlah, & Wan Jan, Noor Azlinda.	<u>Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan</u>	Persidangan Kearifan Tempatan	Conference Paper	2012
12	A Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Nor Azan Ibrahim, Mohd Kamal Mohd Napiyah & Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini.	<u>Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan kesejahteraan sosial: apa peranan kami?</u>	Konvensyen Kebangsaan Pengukuhan Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Transformasi Kesejahteraan Sosial Negara	Conference Paper	2012
13	Wan Emilin Wan Mat Alli, & Noraida Hassan.	<u>Let the ball roll : SEA-ORCHID intervention in Evidence Based Practice initiatives in Malaysia</u>	ICOL 2012, Transformation To Humanize Libraries	Poster Presentation	2012

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
14	Engku Razifah Engku Chik, Noraida Hassan, Nurul Azurah Mohd Roni, Rabiatal Adawiah Ab Manan, & Herman Harianto Che Harun.	<u>Rakan buku terapi biblio (bibliotherapy) dengan pesakit pediatrik Hospital Universiti Sains Malaysia</u>	Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013	Conference Paper	2013
15	Siti Fatimah Hashim, Noor Azlinda Wan Jan, & Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini.	<u>Perpustakaan digital: peranan repositori institusi Universiti Sains Malaysia</u>	Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM)	Poster Presentation	2013
16	Husriati Hussain, & Kiran Kaur.	Social sciences, arts and humanities research collaboration: The Malaysian coverage	PostGraduate Research Excellence Symposium (PGRoS)	Conference Paper	2013
17	Husriati Hussain, & Kiran Kaur.	Social Sciences, Arts and Humanities Research Collaboration: with a focus on LIS	5th International Conference on Asia-Pacific Library & Information Education & Practice (A-LIEP 2013)	Conference Proceedings	2013
18	Mohd Ikhwan Ismail, Mohd Kamal Mohd Napiah, & Abd Halim Ismail.	<u>Universiti Sains Malaysia research publication: A Bibliometric Study</u>	5th International Conference on Asia-Pacific Library & Information Education & Practice (A-LIEP 2013)	Conference Proceedings	2013
19	Cik Ramlah Che Jaafar, Fujica Azura Fesal, & Intan Haryati Ibrahim.	Knowledge management and academic library performance: A framework	International Conference on Business Innovation, Entrepreneurship and Engineering (ICOBIEE)	Conference Paper	2013
20	Radia Banu Jan Mohamad, Mohd Kamal Mohd Napiah, Intan Haryati Ibrahim, Mohd Ikhwan. Ismail, Noor Azlinda Wan Jan, A Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, & Asma Wati Ibrahim.	<u>Connecting Library with APEX Community</u>	University Community Engagement Conference (UCEC)	Conference Paper	2013

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
21	Radia Banu Jan Mohamad, Mohd Kamal Md Napiah, Mohd Ikhwan Ismail, Asma Wati Ibrahim, Intan Haryati Ibrahim, Noor Azlinda Wan Jan, & A Basheer Ahamadhu Ameer Sultan.	<u>Libat sama pelanggan di Perpustakaan USM</u>	Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM)	Poster Presentation	2013
22	Mohd Kamal Mohd Napiah, Nor Azan Ibrahim, Intan Haryati Ibrahim, Rosnani Ahmad, Fujica Azura Fesal, Noor Adilah Azmi, Muhammad Hanifah Mahabat @ Mohamed, Hazwani Jamaluddin, Hazaralie Ramlee, Mohd Hezri Mansor, Muhamad Amin Azmi, Mohd Hazlee Abdul Halil & Mohd Jamil Kasim	<u>Jom baca@PHS: Inisiatif jaringan masyarakat perpustakaan</u>	Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM)	Poster Presentation	2013
23	Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Mohd Pisol Ghadzali, Cik Ramlah Che Jaafar, & Noor Azlinda Wan Jan.	<u>Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara: Inisiatif Pengantarabangsaan</u>	3rd Regional on Local Knowledge Conference	Conference Paper	2013
24	A Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Nor Azan Ibrahim, Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini, , & Mohd Kamal Mohd. Napiah.	<u>Perpustakaan Universiti Sains Malaysia Dan Masyarakat: Inisiatif Pendidikan</u>	Konvensyen Kebangsaan Pengukuhan Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Transformasi Kesejahteraan Sosial Negara	Conference Paper	2013
25	Siti Fatimah Hashim, Noor Azlinda Wan Jan, Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini	<u>Perpustakaan Digital: Peranan Repositori Institusi Universiti Sains Malaysia</u>	Jurnal PPM	Journal Article	2013

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
26	Muhammad Akmal Ahmat	<u>Is quiz competition an effective promotional tool for marketing online databases?: A case study in Universiti Sains Malaysia library</u>	World Congress of Muslim Librarians and Information Scientist: Information Governance: Trends, Challenges And Future: Proceedings Of The 7th Wcomlis 2014	Conference Paper	2014
27	Mohd Kamal Mohd Napih, Nor Azan Ibrahim, Intan Haryati Ibrahim, Rosnani Ahmad, Fujica Azura Fesal, Noor Adilah Azmi, Muhammad Hanifah Mahabat @ Mohamed, Hazwani Jamaluddin, Hazaralie Ramlee, Mohd Hezri Mansor, Muhamad Amin Azmi, & Mohd Hazlee Abdul Halil.	<u>Jom Baca@PHS: Building foundation for lifelong learning</u>	PSU-USM-NSTRU International Conference On Arts & Sciences 2014	Conference Paper	2014
28	Muhammad Akmal Ahmat	<u>Technology & Librarians</u>	Buletin TINTA	Journal Article	2014
29	Ahmat, Muhammad Akmal.	<u>Connecting Universiti Sains Malaysia Art scholars with open access publication</u>	5th ICOL 2015, Opennes paradigm: emerging knowledge ecologies	Conference Paper	2015
30	Adnan Hamid, Nasuha Lee Abdullah & Rosnah Idrus	<u>Preliminary Study On Open Source Software Implementation In The Malaysian Public Sector (Best Paper Award ACIS 2015)</u>	The Fourth Asian Conference on Information Systems (ACIS 2015)	Conference Paper	2015
31	Noor Azlinda Wan Jan, Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini, Siti Fatimah Hashim, Nor Azan Ibrahim	<u>Repository@USM: isu, cabaran dan kekangan</u>	National Conference on Academic Libraries (NCOAL)	Conference Paper	2015

NO.	AUTHORS	TITLE	CONFERENCE	DOCUMENT TYPE	YEAR
32	Radia Banu Jan Mohamad, Noor Azlinda Wan Jan, Cik Ramlah Che Jaafar, Shahriza Fadly Misaridin, Mahbob Yusof, Wararak Pattanakiatpong	<u>AUNILO pathfinder: An initiative in promoting ASEAN rare collections</u>	The General Conference Congress Of Southeast Asian Librarians (Consal) Xvi Bangkok – Thailand	Conference Paper	2015
33	Muhammad Akmal Ahmat	<u>Sustainable use of social media among librarians</u>	Library Innovation Talk	Seminar presentation	2015
34	Muhammad Akmal Ahmat, Cik Ramlah Che Jaafar, Noor Adilah Azmi	<u>Transformation of reference services in Hamzah Sendut Library, Universiti Sains Malaysia</u>	6th International Symposium Research in Service Management	Symposium Paper	2015
35	Norhayati Mohd Nor, Nik Hazlina Nik Hussain, Asrenee Ab Razak, Wan Emilin Wan Mat Alli	<u>Magnitude and risk factors for postpartum symptoms: A literature review</u>	Journal of Affective Disorders	Journal Article	2015
36	Engku Razifah Engku Chik, Noraida Hassan, Nurul Azurah Mohd Roni, Wan Emilin Wan Mat Alli, Herman Harianto Che Harun	<u>Every little book its little reader: A mobile library project in Hospital Universiti Sains Malaysia paediatric wards</u>	International Knowledge Conference	Conference Paper	2015

AKTIVITI STAF DALAM SUKAN DI PERINGKAT UNIVERSITI DAN NEGERI TAHUN 2015

Sebenarnya staf Perpustakaan Hamzah Sendut tidak ketinggalan menyumbangkan tenaga dan kemahiran dalam aktiviti sukan di peringkat universiti dan negeri. Berikut adalah senarai staf yang berjaya mewakili USM dan negeri Pulau Pinang:

SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA (SUKUM) 2015

Organisasi yang diwakili: Universiti Sains Malaysia

Tarikh: 17-22 Ogos 2015

Tempat: Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Acara yang diwakili & nama staf Perpustakaan:

1. Bola Sepak (veteran)
 - i. En. Mohd Zaidi Ahmad@ Ramli
 - ii. Md. Kamal Keria

2. Sepak Takraw
 - i. Shahnizam Ab Rahim

3. Bola Jaring & Olahraga (Wanita Veteran) - 100m (pingat perak), 200m (pingat gangsa), 4x100m (pingat emas), 4x400m (pingat emas), lontar cakera
 - i. Salasiah Zakaria

4. Lumba Basikal
 - i. Mohd Taufik Ibrahim

Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK Malaysia)

Organisasi yang diwakili: MAKSAK Negeri Pulau Pinang

Tarikh: Tahun 2015

Tempat: seluruh negeri

Acara yang diwakili & nama staf Perpustakaan:

1. Bola Sepak
 - i. En. Mohd Zaidi Ahmad@ Ramli

2. Bola jaring (pemain) & Futsal (Penolong Pengurus pasukan wanita)
 - i. Salasiah Zakaria

Sukan Badan Berkanun (Sukanun) 2015

Organisasi yang diwakili: Negeri Pulau Pinang

Tarikh: 28 April 2015

Tempat: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu

Acara yang diwakili & nama staf Perpustakaan:

1. Bola Sepak (Veteran)
 - i. En. Mohd Zaidi Ahmad@ Ramli



AKTIVITI SUKAN ASTAKA 2013/2015

Pihak ASTAKA cuba mengadakan beberapa aktiviti sukan bagi melibatkan semua peringkat staf Perpustakaan. Tujuan aktiviti sebegini diadakan adalah untuk memupuk interaksi atau hubungan yang lebih baik dikalangan staf Perpustakaan dari semua peringkat. Antara aktiviti yang di jalankan ialah:

PERTANDINGAN BOWLING ASTAKA 2014

Tarikh: 23 Mei 2014

Tempat: Premium Lane

Jam : 8.00 malam

Pertandingan ini diadakan secara individu dan seramai 30 orang staf telah menyertai pertandingan ini (11 orang wanita dan 19 orang lelaki). Johan keseluruhan untuk kategori lelaki telah dimenangi oleh En. Shahnizam dari Bahagian Bahan-Bahan Bersiri Dan Dokumen, manakala untuk kategori Wanita pula dimenagi oleh Cik Salasiah dari Bahagian Automasi.

PERTANDINGAN BADMINTON ASTAKA 2014

Tarikh: 06/09/2014

Tempat: Kompleks Badminton USM

Jam: 8.30 Pagi

Seramai 38 staf telah menyertai pertandingan ini, iaitu 30 orang staf lelaki dan 8 orang staf wanita. Format pertandingan yang dijalankan adalah secara beregu, iaitu beregu Lelaki dan Beregu Wanita.

Keputusannya, Beregu Lelaki telah dimenangi oleh pasangan En. Mohd Zaidi Ahmad@ Ramli dan En.Shahini Ridzwan. Manakala bagi beregu Wanita pula dimenangi oleh Pn. Zaiton Amir dan Siti Nuraishah Nasir.



Johan dan Naib Johan Pertandingan Badminton

PERTANDINGAN BOWLING ASTAKA TERBUKA 2015

Pertandingan ini diadakan secara Berkumpulan dan terbuka kepada ahli keluarga staf Perpustakaan. Seramai 27 orang telah menyertai pertandingan ini (11 orang wanita dan 16 orang lelaki) dan dibahagikan kepada 9 kumpulan. Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Presiden ASTAKA iaitu En. Norazan Ibrahim.

Johan: Kumpulan 3:- En. Mohd Pisol Ghadzali, En. Mohd Fathullah Zulkifli dan Pn. Siti Nuraishah Nasir.

Naib Johan: Kumpulan 2:- En. Norisham Shaikh Ali Akhbar, En. Aidil Bisman dan Cik Salasiah Zakaria.

Tempat ketiga:- Kumpulan 7 En. Ahmad Tarmizi Ahmad Jaafar, En. Mohd Raffizan Ishak dan Pn. Shamira



Johan



Naib Johan



Ketiga

PERLAWANAN FUTSAL

Untuk sukan futsal pula aktiviti ini berjalan sepanjang tahun dan aktif mengadakan perlawanan persahabatan setiap bulan.



PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

Pertukaran Tempat Bertugas (ke Jabatan lain)

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH PERTUKARAN TEMPAT BERTUGAS
1	Mohd Saiful 'Adli Zubairi	Pemb. Am Pejabat N1	3/1/2012 / P.P. Siswazah Perniagaan
2	Abdul Rashid Khan Abdul Hameed	Pemb. Am Pejabat N4 KUP	16/1/2012 / P.P. Pendidikan Jarak Jauh
3	Nor Azwani Shamli	Pemb. Tadbir (P/O) N17 KUP	1/10/2012 / Jab. Bendahari
4	Nor Sharmiza Ismail	Pemb. Setiausaha Pejabat N27	1/6/2013 / Pusat Kawalan Doping
5	Muhamad Azrain Shukor	Pemb. Operasi N11	1/5/2014 / Yayasan USM
6	Ayub Che Lah	Pemb. Awam H11	1/5/2014 / Desa Aman Damai
7	Zulkifli Zainol	Pemb. Perpustakaan S17	1/3/2015 / IPPT
8	Muhamad Azmil Ramli	Pemb. Perpustakaan S17	15/7/15 / Perpustakaan Kampus Kerujuteraan

PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

Pertukaran Tempat Bertugas (ke Bahagian PHS)

Bil	Nama	Jawatan	Dari Bahagian	Ke Bahagian	Tarikh Tempat Bertugas
1	Muhamad Firdaus Che Seman	Pen. Peg. Perpustakaan S27	BPP	BM	15/1/13
2	Ariffin Aziz	Pemb. Perpustakaan S22 KUP	BS	BPPS	3/5/13
3	Husriati Hussain	Pustakawan S41	BRP	BBBD	2/6/14
4	Cik Ramlah Che Jaafar	Pustakawan S41	BPT	BRP	2/6/14
5	Rosnani Ahmad	Pustakawan S41	BBBD	BRP	2/6/14
6	Fujica Azura Fesal	Pustakawan S41	BPT	BMA	2/6/14
7	Musa Mohamed Ghazali	Pustakawan S41	BP	BS	2/6/14
8	Suhana Ishak	Pustakawan S41	BMA	BP	2/6/14
9	Lizawati Muhammadan	Pustakawan S41	BP	BPT	2/6/14
10	Intan Haryati Ibrahim	Pustakawan S41	BPT	BPP	2/6/14
11	Shahriza Fadly Misaridin	Pustakawan S41	BBBD	BPPS	2/6/14
12	Mohd Ikhwan Ismail	Pustakawan S41	BRP	BPPS	2/6/14
13	Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini	Pustakawan S41	BA	BPPS	2/6/14
14	Ahmad Nurul Amein Ahmad Ramli	Pustakawan S41	-	BPPS	2/6/14

Bil	Nama	Jawatan	Dari Bahagian	Ke Bahagian	Tarikh Tempat Bertugas
15	Mustaqeem Abdullah	Pustakawan S41	-	BPPS	2/6/14
16	Nasir Khan S.M. Habib Mohamed	Pen. Peg. Tek. Maklumat F29	BA	BPPS	2/6/14
17	Nor Azliza Ayob	Pen. Peg. Perpustakaan S27	-	BBBD	2/6/14
18	Abdul Rahim Ahmad Luddin	Pen. Jurutera JA29	BPM	BPPS	2/6/14
19	Ismail Abu	Pen. Jurutera JA29	BPM	BPPS	2/6/14
20	Mohd Fathullah Zulkeply	Pen. Jurutera JA29	BPM	BPPS	2/6/14
21	Salasiah Zakaria	Pen. Jurutera JA29	BA	BPPS	2/6/14
22	Ainun Zakiah Zanical	Pen. Jurutera JA29	BA	BPPS	2/6/14
23	Afizal Mohd Noor	Pemb. Perpustakaan S17	BLPK	BMA	2/6/14
24	Hasan Sukit	Pemb. Perpustakaan S17	BRP	BLPK	2/6/14
25	Muhammad Safuan Tajudin	Pemb. Perpustakaan S17	BBBD	BRP	2/6/14
26	Nor Hashimy Abdullah	Pemb. Perpustakaan S17	BS	BBBD	2/6/14
27	Roslan Din	Pemb. Perpustakaan S17	BPT	BS	2/6/14
28	Norazram Nordin	Pemb. Perpustakaan S17	BMA	BPT	2/6/14
29	Hasan Sukit	Pemb. Perpustakaan S17	BLPK	BS (PPPBP)	1/10/14
30	Zulfadli Zainal	Pemb. Perpustakaan S17	BS (PPPBP)	BLPK	1/10/14
31	Siti Nuraishah Nasir	Pemb. Tadbir N17 (KUP)	BP	BLPK	15/5/15
32	Zairani Zaireen Mohd Khalil	Pemb. Tadbir Rendah N11	BLPK	BP	15/5/15
33	Rizalawati Ayu Abdul Razak	Pen. Pustakawan Kanan S44	BPM	BMA	18/5/15
34	Noorazilan Noordin	Pemb. Perpustakaan S22	BS	Unit Capaian Luar,BPPS	1/7/15
35	Ab. Shukor Mustapa	Pemb. Perpustakaan S17	BS	Unit Capaian Luar,BPPS	1/7/15
36	Wan Zahari Wan Din	Pemb. Perpustakaan S22 KUP	BPM	BS	1/7/15
37	Rosli Ismail	Pemb. Perpustakaan S17	BPM	BS	1/7/15

PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

SENARAI STAF BERSARA (JANUARI - DISEMBER 2012-2015)

SENARAI STAF BERSARA (JANUARI - DISEMBER 2015)

Bil.	Nama	Tarikh Bersara	
1.	WAN ZAINAB BT CHE EMBI	60	7.2.2015
2.	CHE OM BT MD NOOR	60	17.3.2015
3.	CHE HASNAH AB. GHANI	60	7.4.2015
4.	MOHAMED HASSAN BIN HASHIM	56	20.7.2015
5.	AHMAD NASRUDDIN AHMAD (Bersara Pilihan)	55	1.9.2015
6.	MOHD . PISOL BIN GHADZALI	56	5.11.2015

SENARAI STAF BERSARA (JANUARI - DISEMBER 2014)

Bil.	Nama	Tarikh Bersara	
1.	ABD RAHIM DERANI (Bersara Pilihan)	59	15.1.14
2.	MUSTAPA BABA	60	1.4.14
3.	ABDUL RAZAK ZAINUDDIN	58	15.4.14
4.	MAZLAN NOR	56	26.5.14

SENARAI STAF BERSARA (JANUARI - DISEMBER 2013)

Bil.	Nama	Tarikh Bersara	
1.	ABDUL RAHIM OSMAN (Bersara Pilihan)	53	5.1.13
2.	ZAINOL ABDUL KARIM	58	5.12.13

SENARAI STAF BERSARA (JANUARI - DISEMBER 2012)

Bil.	Nama	Tarikh Bersara	
1.	MOHD IDRIS HJ. ALI	58	12.2.12
2.	AZAHAR HASSAN	58	19.5.12



www.usm.my | www.lib.usm.my

Hamzah Sendut Library, Universiti Sains Malaysia 11800, Pulau Pinang Malaysia
Tel : +604-653 3700 | i-Counter : +604-653 3720 | Fax : +604-657 1526 | Emel : adminlib@usm.my

ISSN 2289-1595



9 772289 159007